



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

NASKAH PENTAKSIR

**MODUL KOMPILASI LATIHAN
UJIAN BERTUTUR
BERPANDUKAN TEMA BUKU
TEKS BAHASA MELAYU
TINGKATAN 4 DAN 5**




BILANGAN 1

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

(40 Markah)

TEMA : MEREALISASIKAN IMPIAN



Tasmania menjadi pilihan pelancong kerana alam semula jadinya yang indah dan masih dipertahankan oleh penduduk setempat. Tasmania dikenali sebagai 'Negeri Semula Jadi' dan 'Pulau Inspirasi' kerana mempunyai banyak taman serta Tapak Warisan Dunia yang mesti dilawati. Setiap satunya menawarkan keindahan dan keistimewaan yang tersendiri termasuk peluang untuk bertemu dengan mergastua Australia seperti kanggaru, wombat, dan walabi di habitat semula jadinya. Untuk ke Tasmania, para pelancong perlu mengambil penerbangan antarabangsa dari Kuala Lumpur ke Melbourne. Kemudian, perjalanan diteruskan ke Hobart, iaitu ibu negeri Tasmania melalui penerbangan domestik. Di Hobart, pelancong dari Malaysia boleh menginap di rumah inap milik pasangan suami isteri Melayu yang telah bermastautin di Tasmania sejak sekian lama. Rumah inap tiga bilik yang lengkap dengan perabot dan peralatan memasak menyebabkan pelancong tidak terasa seperti berada di luar negara.

(Sumber : Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4)

SOALAN RANGSANGAN

1. Mengapakah Tasmania menjadi destinasi pilihan pelancong?
2. Bagaimanakah pelancong dari Malaysia boleh meneruskan perjalanan ke Hobart iaitu ibu negeri Tasmania?
3. Pada pendapat anda, apakah kelebihan melancong di luar negara?
4. Pada musim pandemik ini, aktiviti melancong dalam negara dapat memberi kesan kepada ekonomi negara.
Ulaskan.

SKEMA JAWAPAN

1. Tasmania menjadi pilihan pelancong kerana alam semula jadinya yang indah dan masih dipertahankan oleh penduduk setempat.
2. Pelancong dari Malaysia boleh meneruskan perjalanan ke Hobart dengan mengambil penerbangan antarabangsa dari Kuala Lumpur ke Melbourne. Kemudian, perjalanan diteruskan ke Hobart, iaitu ibu negeri Tasmania melalui penerbangan domestik.
3. Pada pendapat saya, kelebihan melancong di luar negara ialah :

P1 : meningkatkan pengetahuan tentang tempat baharu.
P2 : mengetahui budaya dan adat resam masyarakat di luar negara.
P3 : menambahkan pengalaman peribadi tentang dunia luar.
*** terima jawapan lain yang relevan.**
4. Pada musim pandemik ini, aktiviti melancong dalam negara dapat memberi kesan kepada ekonomi negara dengan cara :

P1 : merangsang sektor penginapan dan perhotelan.
P2 : membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat.
P3 : mengaktifkan sektor pengangkutan awam.
*** terima jawapan lain yang relevan.**

BILANGAN 2

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

(30 Markah)

TEMA : MEREALISASIKAN IMPIAN

Permainan elektronik e-Sukan semakin mendapat tempat setelah pelbagai usaha dan program dilakukan bagi mengiktiraf permainan teknologi ini. E-Sukan bukan sahaja memberikan manfaat kepada golongan belia tetapi juga kanak-kanak.

Ulaskan pernyataan tersebut.

SKEMA JAWAPAN

Faedah / manfaat / kebaikan / kelebihan / kemaslahatan / kepentingan e-Sukan

1. Memupuk semangat kekitaan dan mendidik setiap peserta bekerjasama sebagai satu pasukan untuk bersaing bagi menjuarai mana-mana pertandingan.
2. E-Sukan boleh dijadikan sebagai satu kerjaya – pemain profesional – menjana pendapatan lumayan daripada aktiviti dalam talian atau *streaming* yang dibuat melalui laman sosial seperti FB.
3. E-Sukan berpotensi menjadi pertandingan berskala global yang diadakan secara serentak di seluruh dunia.
4. E-Sukan dapat membantu menyerlahkan keyakinan dan kemahiran peserta dalam sesuatu pertandingan / mampu menjana minda untuk berfikir dengan lebih kritis dan pantas dengan menggunakan kemahiran yang ada untuk menumpaskan pihak lawan / menyelesaikan sesuatu isu.
5. E-Sukan berupaya melahirkan insan yang bijak berkomunikasi dan mengawal situasi.
6. E-Sukan merupakan bidang yang boleh membantu mengharumkan nama keluarga dan nama negara.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 3

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

(40 Markah)

TEMA : INSAN TERDIDIK, NEGARA SEJAHTERA

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

HARI LMU
GERAKAN BERSAMA PERDANA
NEGERI SELANGOR 2021

PPAS
PERADARAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

PUSTAKA RAJA TUN UDA

**2-12
DISEMBER 2021**

**PUSAT KONVENSYEN
SHAH ALAM (SACC)**
SHAH ALAM CONVENTION CENTRE (SACC)

10 PAGI - 9 MALAM
(AHAD - KHAMIS)

10 PAGI - 10 MALAM
(JUMAAT DAN SABTU)

MASUK PERCUMA **CABUTAN BERTUAH**

**2021
PESTA
BUKU
SELANGOR**
MENGHUBUNGKAN
HATI DAN MINDA

www.ppas.gov.my [f](https://www.facebook.com/selangorlibrary) [i](https://www.instagram.com/selangorlibrary) [y](https://www.youtube.com/selangorlibrary) [@selangorlibrary](https://twitter.com/selangorlibrary) 603 5519 7667

Kepentingan penganjuran pesta buku diharapkan dapat mencetuskan semangat mencintai ilmu khususnya dalam kalangan generasi muda kita. Saban tahun, melalui penganjuran pesta buku, kita melihat kehadiran ramai anak muda, pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti yang memenuhi ruang. Selain aktiviti penjualan dan pembelian buku, bengkel penulisan turut dijalankan sepanjang pesta buku berlangsung. Hasil bengkel penulisan diharapkan dapat melahirkan lebih banyak penulis Malaysia yang berkualiti dan mampu menghasilkan karya-karya bermutu tinggi suatu hari nanti. Generasi muda khususnya wajar diberi pendedahan awal tentang kaedah dan strategi untuk menulis dengan lebih berkesan seterusnya proses dalam menerbitkan buku itu sendiri. Pastinya, kita tidak mahu pesta buku ini sekadar menjadi tempat penjualan buku semata-mata. Oleh sebab itu, masyarakat kita perlu sama-sama menyertai siri diskusi dan wacana yang dianjurkan.

(Sumber : Berita Harian)

1. Nyatakan kepentingan penganjuran pesta buku?
2. Apakah kesan yang diharapkan daripada siri bengkel penulisan yang telah diadakan?
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk menggalakkan golongan muda mengunjungi pesta buku?
4. Kemajuan teknologi peranti moden menyebabkan budaya membaca semakin terpinggir. Ulaskan.

SKEMA JAWAPAN

1. Kepentingan penganjuran pesta buku.
 - Kepentingan penganjuran pesta buku diharapkan dapat mencetuskan semangat mencintai ilmu khususnya dalam kalangan generasi muda kita.
2. Kesan yang diharapkan daripada siri bengkel penulisan yang telah diadakan.
 - Hasil bengkel penulisan diharapkan dapat melahirkan lebih banyak penulis Malaysia yang berkualiti dan mampu menghasilkan karya-karya bermutu tinggi suatu hari nanti.
3. Langkah-langkah untuk menggalakkan golongan muda mengunjungi pesta buku.
 - P1 Menawarkan potongan harga.
 - P2 Mengadakan aktiviti yang menarik semasa pesta buku.
 - P3 Mengadakan sesi ramah mesra antara pengunjung dan penulis buku.
 - * terima jawapan lain yang relevan.*
4. Kemajuan teknologi peranti moden menyebabkan budaya membaca semakin terpinggir. Ulaskan.
 - P1 Terdapat pelbagai aplikasi menarik yang boleh dimuat turun dalam peranti elektronik.
 - P2 Masyarakat kini lebih suka menghabiskan masa lapang mereka dengan melayari Internet / menggunakan telefon pintar.
 - P3 Masyarakat menjadi leka apabila kerap menggunakan peranti elektronik.
 - * terima jawapan lain yang relevan.*

BILANGAN 4

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

(30 Markah)

TEMA : INSAN TERDIDIK, NEGARA SEJAHTERA

Program Jom Baca 10 Minit adalah antara aktiviti yang dilaksanakan pada setiap tahun bertujuan untuk memupuk budaya membaca. Budaya membaca boleh melahirkan insan yang mulia dan mengembangkan pemikiran seseorang. Orang yang rajin membaca mempunyai imaginasi yang lebih tinggi dan boleh mengeluarkan pendapat serta hujah yang baik.

Ulaskan.

SKEMA JAWAPAN

Kepentingan :

- i. Menambah ilmu pengetahuan.
- ii. Menambahkan perbendaharaan kata.
- iii. Mengisi masa senggang.
- iv. Meningkatkan pencapaian bahasa.
- v. Meningkatkan ekonomi negara.
- vi. Mengetahui berita dan isu semasa

*** terima jawapan lain yang relevan.**

BILANGAN 5

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : MEMETIK BINTANG



Karnival kerjaya dianjurkan bertujuan memberi peluang kepada anak muda untuk mendapatkan maklumat pekerjaan. Program yang berjalan pada 2 Mac 20.. menyediakan lebih 3000 peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang. Pelbagai aktiviti menarik dan sarat dengan ilmu turut disediakan. Antaranya, termasuklah acara senamrobik, program bual bicara bersama panel jemputan dan uji bakat kerjaya dalam bidang penyiaran. Selain itu, karnival ini turut menyediakan ruang niaga untuk 30 buah gerai makanan, pakaian, barangan digital dan kaunter kesihatan. Di samping itu, para pengunjung boleh menonjolkan bakat kreatif dalam pertandingan melukis komik adaptasi daripada cerpen terpilih. Sesungguhnya, karnival kerjaya ini sangat memberikan manfaat kepada para pengunjung. Para belia yang ingin berjaya dalam permohonan kerja mestilah berusaha menimba ilmu dengan menghadiri karnival kerjaya ini.

(Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada buku teks tingkatan 4 ms 37)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah tujuan karnival kerjaya dilaksanakan?
2. Bagaimanakah cara para pengunjung boleh menonjolkan bakat kreatif dalam karnival tersebut?
3. Pada pendapat anda, nyatakan persediaan-persediaan bagi memenuhi kerjaya impian anda?
4. Kemahiran tambahan sangat penting pada seseorang agar mampu memenuhi kebolehpasaran.
Pada pendapat anda, apakah kemahiran tambahan yang perlu ada pada seseorang?

SKEMA JAWAPAN

1. Karnival kerjaya dianjurkan bertujuan memberi peluang kepada anak muda untuk mendapatkan maklumat pekerjaan.
2. Para pengunjung boleh menonjolkan bakat kreatif dalam pertandingan melukis komik adaptasi daripada cerpen terpilih.
3. Persediaan-persediaan bagi memenuhi impian kerjaya
 - i. Menuntut / memantapkan ilmu pengetahuan.
 - ii. Menambah potensi diri / meningkatkan kemahiran tambahan.
 - iii. Berusaha memiliki sifat-sifat mulia / positif seperti sabar, tabah dan gigih.
 - iv. Bersedia menghadapi cabaran.
 - v. Sentiasa memotivasikan diri.

*** terima jawapan lain yang relevan**
4. Kemahiran tambahan yang perlu ada pada seseorang
 - i. Kemahiran komunikasi.
 - ii. Kemahiran berpasukan.
 - iii. Kemahiran menyelesaikan masalah.
 - iv. Kemahiran kepimpinan.
 - v. Kemahiran pengurusan.
 - vi. Kemahiran teknologi maklumat.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 6

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

(30 Markah)

TEMA : MEMETIK BINTANG

Karnival Kerjaya memberikan peluang kepada golongan belia untuk mendapatkan maklumat pekerjaan melalui pelbagai aktiviti menarik yang sarat dengan ilmu. Karnival ini telah banyak memberikan faedah kepada golongan belia.

Bincangkan.

SKEMA JAWAPAN

- i. Membantu dalam pemilihan kursus atau IPT.
- ii. Melatih diri untuk sesi temu duga.
- iii. Mendapat akses seminar atau bengkel percuma.
- iv. Dapat menguji kemahiran komunikasi.
- v. Peluang untuk berhubung dengan bakal majikan.
- vi. Memberi pendedahan terhadap landskap pekerjaan di Malaysia.

BILANGAN 7

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : MENJULANG HARAPAN DI BUMI BERTUAH

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

HABITAT UDANG HARIMAU



Udang harimau memerlukan sumber air payau masin sebagai habitatnya. Biasanya, penternak akan membina kolam berhampiran sungai dan laut untuk mendapatkan sumber air payau masin. Parameter indeks kualiti air akan ditentukan seminggu sekali untuk memastikan keadaan fizikal air kolam seperti suhu, PH, oksigen terlarut dan kadar kemasinan sesuai untuk tumbesaran udang. Selain itu, keadaan fizikal kolam perlu dipastikan tidak mengandungi plankton yang boleh menyebabkan gangguan kepada pembesaran udang harimau. Ancaman utama bagi hidupan akuatik ini ialah penyakit yang berpunca daripada benih dan kawalan air. Selain itu juga, musuh lain yang turut menjadi ancaman kepada udang harimau ialah memerang, ketam, dan burung yang membawa kuman penyakit kepada udang. Simptom udang yang sakit dapat dikesan jika udang sudah mulai hilang selera makan, insang berwarna hitam dan kulitnya yang menjadi kusam. Sebagai langkah pencegahan dan kawalan penyakit, udang yang didapati sakit akan diasingkan ke kolam yang lain.

(Sumber : Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, Muka surat 45 dan 46)

1. Apakah yang diperlukan oleh udang harimau sebagai habitat?
2. Nyatakan simptom udang yang sakit?
3. Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk menarik minat golongan belia untuk menceburkan diri dalam bidang penternakan udang harimau?
4. Penternakan udang harimau di Malaysia sedang berkembang pesat dengan semakin banyak penglibatan daripada pihak swasta, agensi kerajaan dan juga orang perseorangan.

Nyatakan faktor-faktor lain menyebabkan penternakan udang harimau di Malaysia semakin berkembang?

SKEMA JAWAPAN

1. Ugang harimau memerlukan sumber air payau masin sebagai habitatnya.
2. Simptom udang yang sakit dapat dikesan jika udang sudah mulai hilang selera makan, insang berwarna hitam dan kulitnya yang menjadi kusam.
3. Cara menarik golongan belia menceburi bidang penternakan udang harimau
 - i. Pameran produk-produk, teknologi terbaru serta perkhidmatan berkaitan untuk memberi pendedahan kepada golongan belia.
 - ii. Ahli keluarga memberi sokongan padu kepada golongan belia untuk menarik minat mereka terlibat dalam bidang penternakan udang harimau.
 - iii. Jabatan perikanan berperanan perlu mengadakan lebih banyak kursus yang dianjurkan bagi menambahkan pengetahuan golongan belia dalam bidang penternakan.

*** terima jawapan lain yang relevan**
4. Antara faktor yang menggalakkan penternakan udang harimau adalah
 - i. Terdapat banyak kawasan yang berpotensi untuk dijadikan tempat penternakan udang harimau di Malaysia.
 - ii. Permintaan yang tinggi terhadap udang harimau .
 - iii. Jaminan harga pasaran yang baik di dalam negeri mahupun di luar negara.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 8

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

(30 Markah)

TEMA : MENJULANG HARAPAN DI BUMI BERTUAH

Tidak dapat dinafikan, para tani di negara kita menghadapi seribu satu masalah. Mereka menabur bakti dan menyumbang tenaga kepada ekonomi. Dalam konteks para tani, kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk membantu dan mengubah nasib mereka.

Bincangkan.

SKEMA JAWAPAN

- i. Memodenkan dan meningkatkan pengeluaran pertanian untuk menjamin kestabilan bekalan serta harga.
- ii. Merancakkan pembabitan pelaburan swasta dalam pertanian.
- iii. Menjadikan pertanian sebagai satu sumber pendapatan.
- iv. Menambahbaik ekosistem industri pertanian untuk menyokong pemodenan pertanian.
- v. Memperkukuh struktur organisasi jabatan dan agensi di bawah kementerian untuk menambah baik sistem penyampaian serta tadbir urus.

BILANGAN 9

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : MEMACU PRODUKTIVITI

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Produktiviti boleh didefinisikan sebagai nilai atau kualiti output yang dapat dihasilkan oleh satu unit input. Dalam zaman pasca kemerdekaan ini, negara Malaysia telah muncul sebagai kuasa ekonomi yang disanjung di persada antarabangsa. Negara kita mempunyai golongan penduduk yang dedikasi, serta infrastruktur yang mampu meningkatkan produktiviti dalam pelbagai sektor. Lantas, kita sebagai rakyat Malaysia harus mengamalkan fikiran kritis dan konstruktif untuk meningkatkan produktiviti dalam semua aspek kehidupan. Antaranya, peningkatan produktiviti sistem telekomunikasi. Maklumat dari sesuatu kawasan boleh dihantar ke seluruh dunia dalam masa beberapa saat sahaja melalui satelit. Kita tidak perlu menggunakan kaedah kuno seperti melepaskan asap sebagai tanda isyarat atau memukul kompang untuk menghantar mesej. Penciptaan telefon bimbit dapat menghantar mesej dalam SMS dan laman sosial kepada orang lain dengan mudah dan cepat. Syarikat Celcom, Digi dan Maxis dengan bantuan satelit dapat membantu pengguna telefon bimbit untuk menghubungi sesiapa sahaja dalam kehidupan seharian.

(Sumber : <http://karanganspmska.blogspot.com/2015/03/di-luar-kotak-fikiran.html>)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah yang boleh didefinisikan dengan produktiviti?
2. Mengapakah negara kita muncul sebagai kuasa ekonomi yang disanjung di persada antarabangsa?
3. Mengapakah peningkatan produktiviti telekomunikasi sangat penting kepada kita pada masa kini?
4. Sistem telekomunikasi yang ada sekarang banyak membantu pembelajaran dalam talian atau pendidikan maya, terutamanya ketika negara dilanda wabak penyakit COVID 19. Berikan pendapat anda?

SKEMA JAWAPAN

1. Produktiviti boleh didefinisikan sebagai nilai atau kualiti output yang dapat dihasilkan oleh satu unit input.
2. Negara kita muncul sebagai kuasa ekonomi yang disanjung di persada antarabangsa kerana negara kita mempunyai golongan penduduk yang dedikasi, serta infrastruktur yang mampu meningkatkan produktiviti dalam pelbagai sektor.
3. Peningkatan produktiviti telekomunikasi sangat penting kepada kita pada masa kini kerana maklumat dari sesuatu kawasan boleh dihantar ke seluruh dunia dalam masa beberapa saat sahaja melalui satelit. Malahan, kita tidak perlu menggunakan kaedah kuno seperti melepaskan asap sebagai tanda isyarat atau memukul komang untuk menghantar mesej. Selain itu, penciptaan telefon bimbit dapat menghantar mesej dalam SMS dan laman sosial kepada orang lain dengan mudah dan cepat.

**** terima jawapan lain yang relevan***

4. Pendidikan maya bermaksud pendidikan yang dijalankan dalam talian yang memerlukan murid melihat skrin, mendengar serta memberikan respons. Baru-baru ini, kerajaan telah memperkenalkan pendidikan maya di negara kita dalam usaha untuk meneruskan pembelajaran semasa pandemik Covid-19 yang amat meruncing.
 - i. Pendidikan maya paling utama ialah penyampaian ilmu cepat dan mudah. Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat berada di hujung jari. Misalnya, murid dapat melayari Internet untuk mencari maklumat dengan menggunakan enjin pencari seperti Google dan Yahoo. Natiujahnya, murid tidak akan menjadi seperti katak di bawah tempurung. Tegasnya, ilmu dapat disampaikan dengan cepat dan mudah.
 - ii. Murid boleh memanfaatkan penggunaan e-buku. E-buku ini bukan sekadar mudah digunakan tetapi juga menjimatkan kos. Tamsilnya, murid boleh menggunakannya melalui peranti seperti telefon pintar, gajet dan komputer riba. Tambahan pula, kebanyakan e-buku juga percuma dan lebih murah berbanding buku fizikal kerana tiada pencetakan kertas yang dilakukan. Tuntasnya, penggunaan e-buku dapat dimanfaatkan.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 10

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : MEMACU PRODUKTIVITI

Permintaan produk pertanian negara kian meningkat dengan peningkatan populasi rakyat tempatan dan perkembangan pasaran global. Oleh itu, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menggalakkan golongan generasi muda menceburi bidang pertanian yang menjanjikan pendapatan yang lumayan sebagai kerjaya mereka.

Bincangkan.

SKEMA JAWAPAN

Usaha-usaha/langkah-langkah yang perlu dilakukan ialah....

1. Peranan ibu bapa

- ☐ Didik anak suka bertani.
- ☐ Wujudkan kebun dan taman mini di pekarangan rumah.
- ☐ Membawa anak-anak ke dusun.
- ☐ Didik anak kenal pada tumbuhan dan pokok.

2. Peranan sekolah

- ☐ Menawarkan subjek Sains Pertanian, Pertanian di sekolah aliran perdana dan sekolah aliran teknik.
- ☐ Sekolah tubuhkan kelab pertanian.
- ☐ Guru melatih murid bercucuk tanam.
- ☐ Mengadakan lawatan ke kawasan pertanian.

3. Peranan kerajaan

- ☐ Menawarkan pekerjaan dan gaji yang lumayan dalam sektor ini.
- ☐ Usahawan korporat mengambil banyak pekerja dalam sektor ini.
- ☐ Berikan banyak insentif kepada pekerja yang mahir.

- Pihak bank pertanian perlulah memberi pinjaman dan modal kepada para siswazah yang baru memulakan projek pertanian mereka. Siswazah-siswazah pada umumnya tidak mempunyai simpanan wang yang banyak kerana tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap yang menjadi **batu penghalang** bagi mereka memulakan usaha pertanian. Skim pinjaman berkadar faedah rendah perlulah ditawarkan kepada para siswazah.
- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menganjurkan lebih banyak kursus kepada generasi muda dalam bidang pertanian.

** terima jawapan lain yang relevan*

BILANGAN 11

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : DUNIA PELANCONGAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PELANCONGAN GASTRONOMI



Pelancongan gastronomi merupakan suatu seni dalam makan dan minum melalui pelbagai sumber dan ada kaitan dengan cabang-cabang ilmu yang lain seperti sejarah, kesusasteraan, musik, falsafah, psikologi, perubatan dan geologi. Pelancongan gastronomi atau pelancongan makanan ini boleh didefinisikan sebagai suatu perjalanan pelancongan yang berfokus untuk menjelajah dan menikmati makanan serta minuman khas di sesebuah destinasi bertujuan untuk mengalami sendiri budaya tempatan di tempat itu. Secara keseluruhannya, ia adalah jenis pelancongan yang menghubungkan perjalanan, percutian serta makanan dan memberikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan oleh para pelancong. Makanan yang terdapat di sesebuah destinasi pelancongan berpotensi besar untuk pengalaman para pengunjung di kawasan berkenaan. Makanan dalam aspek pelancongan ini berfungsi dalam menghubungkan pengunjung dengan budaya dan warisan destinasi berkenaan serta menjadi sebahagian daripada pengalaman pelancongan itu sendiri.

(Sumber : <https://www.thepatriots.asia>)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah itu pelancongan gastronomi?
2. Nyatakan definisi pelancongan gastronomi berdasarkan petikan.
3. Senaraikan dua jenis makanan dan dua jenis minuman yang popular di tempat anda.
4. Cadangkan beberapa faktor yang mampu menarik rakyat negara ini dan pelancong asing melancong di Malaysia.

SKEMA JAWAPAN

1. Pelancongan gastronomi merupakan suatu seni dalam makan dan minum melalui pelbagai sumber dan ada kaitan dengan cabang-cabang ilmu yang lain seperti sejarah, kesusasteraan, musik, falsafah, psikologi, perubatan dan geologi.
2. Pelancongan gastronomi didefinisikan sebagai suatu perjalanan pelancongan yang berfokus untuk menjelajah dan menikmati makanan serta minuman khas di sesebuah destinasi bertujuan untuk mengalami sendiri budaya tempatan di tempat itu.
3. Tawau
Makanan
 - Nasi kuning
 - Mi tauhu
 - Nasi ayam penyet
 - Amplang**Minuman**
 - Milo Nai Peng
 - Kicai Peng

** terima jawapan lain yang relevan*
4. Daya tarikan pelancong ke Malaysia
 - Kekayaan alam semula jadi.
 - Dikelilingi pulau dan pantai.
 - Kemudahan infrastruktur yang kondusif.
 - Kekayaan budaya dan sejarah masyarakat.
 - Sikap rakyat yang ramah dan berbudi bahasa.
 - Nilai mata wang yang berpatutan.

** terima jawapan lain yang relevan*

BILANGAN 12

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : DUNIA PELANCONGAN

Tidak dinafikan, ramai orang akan pergi melancong bersama-sama dengan keluarga mereka terutamanya pada musim perayaan dan pada masa cuti sekolah. Oleh itu, apakah kebaikan-kebaikan pelancongan kepada rakyat sesuatu negara dan negara itu sendiri?

Bincangkan pernyataan tersebut.

(Sumber : <http://karangan-contoh.blogspot.com>)

SKEMA JAWAPAN

Kebaikan kepada rakyat dan negara

- i. Rakyat tempatan boleh mendapat pekerjaan secara langsung dan tidak langsung.
 - ii. Restoran dan kedai makanan akan dikunjungi oleh pelancong.
 - iii. Kebudayaan sesuatu negara boleh diperkenalkan ke seluruh dunia.
 - iv. Pelancong berpeluang mengenali dengan lebih dekat dengan amalan tempatan.
 - v. Pembinaan jalan raya, bekalan air dan elektrik untuk meningkatkan bidang pelancongan.
 - vi. Memperkenalkan kepada seluruh dunia tentang kepelbagaian spesies tumbuhan.
 - vii. Tinggalan zaman purba dapat diterokai oleh pelancong.
 - viii. Pelancong dapat mengetahui keunikan negara yang mempunyai masyarakat majmuk.
- * terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 13

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA: DEMI KEDAMAIAN



Jenayah siber bermaksud jenayah komputer yang baharu pada abad ini. Jenayah siber ini terdiri daripada unsur penipuan, kerosakan atau pengubahsuaian program atau data komputer, pencurian maklumat, penggodaman dan lain-lain. Kemunculan internet sebagai alat komunikasi terkini menjanjikan satu wadah penyebaran maklumat yang memantapkan ilmu dan maklumat. Oleh sebab tiada siapa yang dapat mengawal perjalanan maklumat di dunia siber, berjuta-juta laman web telah dihidupkan. Bermacam-macam maklumat sama ada benar atau salah, idea, ideologi, propaganda telah disebarkan melalui internet. Pada masa yang sama, kebebasan maklumat yang dijanjikan oleh dunia siber ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat. Hal ini berikutan, penggunaannya sentiasa berhadapan dengan aktiviti jenayah dan mangsa kepada jenayah atau diperalatkan untuk melakukan kegiatan jenayah. Jenis jenayah siber yang biasa kita dengar antaranya meliputi penipuan, kecurian maklumat, capaian secara tidak sah dan sebagainya.

(Sumber : <http://ms.m.wikipedia.org>)

SOALAN RANGSANGAN

1. Nyatakan maksud jenayah siber?
2. Apakah unsur yang terdapat dalam jenayah siber?
3. Nyatakan peranan pelbagai pihak dalam menangani jenayah siber?
4. Sebagai seorang pelajar, apakah tindakan anda sekiranya melihat rakan anda melayari laman sesawang yang berunsur negatif?

SKEMA JAWAPAN

1. Maksud jenayah siber ialah jenayah komputer yang baharu pada abad ini.
2. Unsur yang terdapat dalam jenayah siber ialah penipuan, kerosakan atau pengubasuaian program atau data komputer, pencurian maklumat, penggodaman dan lain-lain.
3. Antara pihak yang berperanan:
 - i. Ibu bapa menerapkan nilai murni dan agama seawal usia kanak-kanak kepada anak-anak agar tidak terjebak dalam dalam kegiatan yang tidak bermoral.
 - ii. Pihak sekolah memberikan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan bagi mengukuhkan jati diri dengan nilai-nilai murni.
 - iii. Pihak kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Jenayah Siber untuk menangani kes jenayah siber.

*** terima jawapan lain yang relevan**
4. Tindakan saya sekiranya melihat rakan-rakan melayari laman sesawang yang berunsur negatif ialah
 - i. Menasihati rakan berkenaan mengubah sikap agar menggunakan kemudahan tersebut dengan sebaik-baiknya.
 - ii. Menerangkan kesan negatif sekiranya melayari laman sesawang yang tidak mendatangkan faedah.
 - iii. Mengajak rakan berkenaan untuk melakukan aktiviti yang lebih berfaedah seperti riadah dan sebagainya.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 14

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA: DEMI KEDAMAIAN

Pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin berkembang pesat menyebabkan modus operandi penjenayah siber juga semakin canggih. Kini, jenayah digital yang menggunakan telefon bimbit sebagai saluran modus operandi semakin berleluasa dan masalah ini perlu dibanteras segera.

Bincangkan.

SKEMA JAWAPAN

- i. Sekiranya menerima panggilan telefon daripada nombor yang tidak dikenali, putus panggilan atau alihkan ke peti mel suara.
- ii. Tidak sewenang-wenangnya memberikan maklumat peribadi yang sulit kepada pihak yang tidak berkenaan.
- iii. Tidak memuat turun apa-apa aplikasi sekiranya diminta berbuat demikian kerana dikhuatiri aplikasi itu mengandungi perisian yang dapat mendedahkan butiran peribadi anda.
- iv. Menghubungi penyedia perkhidmatan telefon jika anda menerima panggilan yang tidak dikenali berulang kali.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 15

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : DALAM LIPATAN KENANGAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN
Perintis Kecemerlangan Pewaris Bangsa



Sejarah pendidikan negara sebelum kemerdekaan lebih bertumpu kepada golongan atasan dan bangsawan. Sukatan pelajaran juga mengikut acuan negara penjajah. Para pelajar diajar tentang sejarah negara penjajah, manakala sejarah perjuangan dan kisah pejuang tanah air diputarbelitkan dan diketepikan. Penubuhan Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh (S.T.A.R.) mempunyai kaitan rapat dengan Penyata Razak 1956 dan desakan nasionalis Melayu yang mahukan agar pendidikan dalam kalangan anak Melayu dipertingkatkan menjelang kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957. Encik Hamdan Sheikh Tahir yang merupakan Pengelola Sekolah-sekolah Menengah telah bertanggungjawab merangka konsep sekolah menengah berasrama penuh yang ideal dan diterima oleh pihak berkuasa pendidikan. Sekolah Tuanku Abdul Rahman memberi peluang kepada pelajar-pelajar Melayu yang cerdas dari luar bandar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kini, STAR merupakan salah sebuah sekolah berasrama penuh terbaik di Malaysia. STAR juga melahirkan banyak pemimpin terkemuka negara termasuklah Brigadier Jeneral Dato' Ghazali Ibrahim, Dato' Dr. Ishak Yeop Mohd. Shar dan Dato' Dr. Awang Adek Hussin.

(Sumber : Dewan Siswa, Bil 08/2021, ms 44)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah golongan yang menerima tumpuan pendidikan sebelum kemerdekaan?
2. Nyatakan faktor-faktor yang mendorong penubuhan Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh pada tahun 1957.
3. Pada pendapat anda, mengapakah sistem pendidikan sebelum kemerdekaan lebih berorientasi sukatan pelajaran negara penjajah?
4. “Sejarah merujuk penceritaan tentang tindakan manusia yang penting dan mengagumkan serta sebab berlakunya sesuatu peristiwa” - Herodotus.
Nyatakan kepentingan-kepentingan mempelajari sejarah kepada golongan remaja.

SKEMA JAWAPAN

1. Golongan yang menerima tumpuan pendidikan sebelum kemerdekaan ialah golongan atasan dan bangsawan.
2. Faktor-faktor yang mendorong penubuhan Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh pada tahun 1957 ialah pendidikan yang sama untuk semua anak Melayu dipertingkatkan. Selain itu, faktor penubuhan adalah untuk membina sekolah menengah berasrama penuh yang ideal dan diterima oleh pihak berkuasa pendidikan. Seterusnya, penubuhan tersebut juga adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar Melayu yang cerdas dari luar bandar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.
3. Pada pendapat saya, sistem pendidikan sebelum kemerdekaan lebih berorientasikan sukatan pelajaran negara penjajah kerana **ingin menjadikan orang Melayu lebih taat kepada orang tua mereka dan pemerintah**. Selain itu, mereka **tidak mempunyai rasa cinta dan hormat akan negara asal mereka** berbanding negara penjajah. Seterusnya, penjajah ingin memastikan **tidak timbul semangat untuk membebaskan tanah air** mereka daripada penjajah dan **kekal dalam status quo**.
** terima jawapan lain yang relevan*
4. Kepentingan golongan remaja mempelajari sejarah agar mereka :
 - i. Berasa bangga menjadi warganegara Malaysia.
 - ii. Berusaha mempertahankan kedaulatan negara.
 - iii. Menghargai budaya dan warisan bangsa.
 - iv. Mempelajari kesilapan masa lalu.
 - v. Menyemai perpaduan antara kaum.** terima jawapan lain yang relevan*

BILANGAN 16

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : DALAM LIPATAN KENANGAN

Sejarah negara dan amalan budaya warisan bangsa perlu dijaga dan dikekalkan sebagai iktibar dan warisan generasi akan datang.

Ulaskan.

SKEMA JAWAPAN

Cara menghargai warisan negara:

- i. Melawat bangunan bersejarah bersama keluarga atau rombongan sekolah.
- ii. Kita perlu menyokong usaha murni kerajaan demi kepentingan warisan dan sejarah negara kita.
- iii. Memberikan sumbangan untuk memelihara dan mengekalkan khazanah negara.
- iv. Menjadikan pusat tarikan pelancong.
- v. Menjadikan mata pelajaran Sejarah wajib di peringkat sekolah.

*** *terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 17

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : SAYANGI MALAYSIAKU

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

HARI KEMERDEKAAN



Semangat patriotisme bermaksud perasaan cinta akan negara yang mendalam dalam diri seseorang. Tarikh 31 Ogos 1957 dianggap sangat bersejarah dan membahagiakan seluruh rakyat negara ini ketika itu. Terdapat beberapa aktiviti yang boleh dijalankan untuk menyemarakkan sambutan kemerdekaan seperti pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang, Konvoi Merdeka, Larian Merdeka dan ceramah daripada tokoh yang berjasa kepada negara. Semua aktiviti ini bertujuan untuk menanam semangat patriotisme dalam diri. Sebagai rakyat, rasa kesetiaan, kecintaan dan bersyukur dengan apa-apa yang dinikmati bukan suatu kerugian, sebaliknya manifestasi kepada wajah dan keperibadian kita terhadap negara. Semangat patriotisme seharusnya dipupuk sejak tadika berterusan ke peringkat universiti sehingga menjangkau usia warga emas.

(Sumber : Berita Harian)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah maksud semangat patriotisme?
2. Nyatakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk menyemarakkan sambutan kemerdekaan?
3. Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah semangat patriotisme perlu dipupuk dalam kalangan masyarakat Malaysia?
4. Semangat patriotisme dalam kalangan remaja semakin luntur. Berikan ulasan anda.

SKEMA JAWAPAN

1. Maksud semangat patriotisme merujuk kepada perasaan cinta akan negara yang mendalam dalam diri seseorang.
2. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk menyemarakkan sambutan kemerdekaan seperti pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang, Konvoi Merdeka, Larian Merdeka dan ceramah daripada tokoh yang berjasa kepada negara.
3. Berdasarkan pengetahuan saya, semangat patriotisme perlu dipupuk dalam kalangan masyarakat Malaysia kerana :
 - i. Memberi kesedaran kepada masyarakat supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan negara.
 - ii. Untuk mengamalkan nilai-nilai murni.
 - iii. Dapat mempertahankan kemerdekaan negara.
 - iv. Memupuk perpaduan kaum.
 - v. Menaikkan imej negara.

**** terima jawapan lain yang relevan***

4. Punca semangat patriotisme dalam kalangan remaja semakin luntur ialah
 - i. Kurangnya kesedaran tentang kepentingan semangat patriotisme.
 - ii. Ibu bapa kurang menerapkan semangat patriotisme dalam diri anak-anak.
 - iii. Kempen kesedaran yang kurang berkesan.
 - iv. Pengaruh media sosial – keseronokan, leka lambakan dunia hiburan.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 18

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

(30 Markah)

TEMA : SAYANGI MALAYSIAKU

Dalam kesibukan sehari-hari, kita mungkin terlupa untuk memupuk ciri-ciri keperibadian luhur, baik untuk diri kita sendiri mahupun untuk anak-anak kita. Sebelum budaya masyarakat kita semakin merosot, kita harus sedar dan mempelajari serta mempraktikkan semula nilai-nilai dan budi bahasa warisan kita. Usaha ini harus dimulakan pada peringkat diri, sendiri, keluarga dan masyarakat. Ulaskan pernyataan tersebut.

SKEMA JAWAPAN

Kepentingan memupuk ciri-ciri keperibadian luhur :

- i. Melahirkan individu yang beretika dan mempunyai nilai-nilai positif.
- ii. Melahirkan masyarakat yang bertamadun.
- iii. Mewujudkan perpaduan dalam masyarakat.
- iv. Mewujudkan masyarakat yang harmoni / sejahtera.
- v. Melahirkan pemimpin yang berdedikasi.
- vi. Menjana industri pelancongan.

*** terima jawapan lain yang relevan**

Langkah memupuk ciri-ciri keperibadian luhur :

- i. Mengadakan kempen berbudi bahasa.
- ii. Mengukuhkan amalan budi bahasa di sekolah melalui kurikulum dan aktiviti kokurikulum.
- iii. Peranan pelbagai pihak memupuk ciri-ciri keperibadian luhur.
- iv. Ibu bapa mendidik sejak kecil.
- v. Pihak media memperbanyak dokumentari/rancangan berkaitan budi bahasa.
- vi. Pihak kerajaan mengadakan kempen berbudi bahasa.
- vii. Masyarakat / NGO membantu mewujudkan amalan berbudi bahasa.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 19

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : BAHASA BUGAR, SASTERA KEKAR



Richard a/I Ignacy,
Guru Bahasa Melayu

Sastera bermaksud ciptaan seni yang disampaikan dengan menggunakan bahasa yang indah secara lisan mahupun tulisan. Melalui bahasa yang indah, penulis menyampaikan buah fikiran mereka sekali gus meluahkan perasaan dengan cara yang lebih lembut dan juga beradab sopan serta bertatasusila, sekali gus menggambarkan ketinggian budaya sesuatu masyarakat. Oleh itu, kepentingan Kesusasteraan Melayu dalam dunia pendidikan kini wajar direncanakan penggunaannya secara berkesan. Kepentingan Kesusasteraan Melayu dalam pendidikan ialah membina keterampilan berfikir, memancarkan kilauan bahasa daripada tutur bicara dan mendidik murid menghayati pelbagai nilai tentang manusia dan duniawi yang tidak seharusnya dipinggirkan oleh masyarakat.

(Sumber : Buku Teks Bahasa Melayu, Tingkatan 4, halaman 237)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah maksud sastera?
2. Nyatakan kepentingan Kesusasteraan Melayu dalam pendidikan?
3. Pada pendapat anda, nyatakan cara-cara untuk menarik minat remaja dalam menceburi bidang kesusasteraan?
4. Masyarakat pada masa ini, lebih meminati bidang sains dan meminggirkan bidang sastera hasil pengaruh kepesatan teknologi. Ulasakan.

SKEMA JAWAPAN

1. Sastera ialah ciptaan seni yang disampaikan dengan menggunakan bahasa yang indah secara lisan mahupun tulisan.
2. Kepentingan Kesusasteraan Melayu dalam pendidikan ialah;
 - i. Membina keterampilan berfikir.
 - ii. Memancarkan kilauan bahasa daripada tutur bicara.
 - iii. Mendidik murid menghayati nilai tentang manusia dan dunawi yang tidak seharusnya dipinggirkan oleh masyarakat.
3. Pada pendapat saya, cara untuk menarik minat remaja dalam menceburi bidang kesusasteraan ialah;
 - i. Ibu bapa mendedahkan kebaikan kesusasteraan kepada anak-anak seawal usia muda.
 - ii. Ibu bapa membawa anak-anak ke bengkel atau pameran buku Kesusasteraan Melayu.
 - iii. Pihak kerajaan mengadakan kempen/promosi tentang kebaikan mempelajari dan menghayati Kesusasteraan Melayu.
 - iv. Pihak sekolah mengadakan pertandingan sajak, penulisan cerpen, pementasan drama ketika Bulan Bahasa.
** terima jawapan lain yang relevan*
4. Masyarakat sekarang lebih meminati bidang sains dan meminggirkan bidang sastera hasil pengaruh kepesatan teknologi kerana ;
 - i. Keperluan semasa yang lebih mementingkan teknologi dan sains berbanding dengan keperluan menghayati sastera.
 - ii. Ibu bapa tidak mendedahkan anak-anak tentang kebaikan sastera dalam kehidupan.
 - iii. Perkembangan permainan dalam talian yang melalaikan remaja seperti PUBG, Mobile Legend.
** terima jawapan lain yang relevan*

BILANGAN 20

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : BAHASA BUGAR, SASTERA KEKAR

Sedarsawasa yang lalu, karya sastera amat diminati oleh semua bangsa di Tanah Melayu. Di negara kita juga terdapat Sasterawan Negara yang ternama dan terbilang. Namun saban hari, karya sastera semakin hilang ditelan zaman yang serba canggih dan moden. Hal ini membimbangkan kerajaan dan para Sasterawan Negara kerana sastera adalah satu wadah yang mampu menyalurkan pelbagai wadah atau sarana untuk menyatakan dunia masyarakat dan zamannya.

Bincangkan.

SKEMA JAWAPAN

Usaha-usaha / langkah-langkah / strategik-strategik / inisiatif-inisiatif yang dilakukan ialah

- i. Kerajaan / pihak sekolah menganjurkan kursus penulisan karya sastera terutama dalam kalangan pelajar sekolah.
- ii. Kerajaan / sekolah mengadakan kempen secara besar-besaran bagi memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat terutama para pelajar.
- iii. Guru menerapkan minat membaca karya sastera semasa pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah.
- iv. Memperbanyakkan buku tentang karya sastera di perpustakaan sekolah mahupun perpustakaan awam.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 21

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : EKONOMI DINAMIK, NEGARA BERWIBAWA

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Kenali SSPN-i

Apakah itu SSPN-i?

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) merupakan satu skim simpanan wang yang telah direka khas oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi tujuan pembiayaan pengajian pendidikan tinggi. Melalui skim ini, pendeposit melantik PTPTN untuk menguruskan deposit mereka bagi tujuan pelaburan. Mulai 1 Januari 2012, para pelajar yang ingin memohon pinjaman pendidikan bagi membiayai pengajian mereka di politeknik, pusat pengajian tinggi awam dan swasta wajib mempunyai akaun SSPN-i dengan simpanan minimum seperti yang ditetapkan oleh PTPTN.

Istimewakah SSPN-i?

Pelajar yang memiliki akaun ini akan layak memohon pinjaman pendidikan. Selain itu, sebagai pendeposit, ibu bapa memperoleh pelbagai keistimewaan. Antaranya, terdapat pelepasan taksiran cukai pendapatan dan perlindungan takaful secara percuma ke atas pendeposit yang memiliki simpanan RM1000.00 dan ke atas. Di samping itu, simpanan wang dalam skim ini dijamin oleh kerajaan dan mempunyai kadar dividen yang kompetitif. Proses tabungan wang juga mudah kerana terdapat lebih 3000 cawangan ejen skim ini di seluruh Malaysia.

Bagaimanakah membuka akaun SSPN-i?

Cara membuka akaun ini sungguh mudah. Anda boleh membuka akaun SSPN-i secara dalam talian, atau berurusan di kaunter PTPTN dan bank-bank terpilih.

Bolehkah wang simpanan dikeluarkan atau akaun ditutup?

Pendeposit boleh membuat pengeluaran atau penutupan akaun pada bila-bila masa tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh PTPTN.

Bilakah dan siapakah yang boleh membuka akaun ini?

Akaun ini boleh dibuka oleh ibu bapa atau penjaga yang merupakan warganegara Malaysia untuk anak atau anak jagaan mereka seawal usia satu hari hingga berumur 29 tahun. Bagi kategori yang kedua pula, warganegara yang berumur 18 tahun hingga 29 tahun diberikan pilihan sama ada membuka akaun individu atau menjadi penerima manfaat daripada akaun yang dibuka oleh ibu bapa atau penjaga mereka. Bagi warganegara yang berumur 29 tahun ke atas, mereka perlu membuka akaun individu.

(Sumber: <https://www.ptptn.gov.my/>)

1. Apakah Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i)?
2. Bagaimanakah cara membuka akaun SSPN-i?
3. Pada pendapat anda, bagaimanakah tabungan simpanan pendidikan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar yang bakal melanjutkan pelajaran?
4. Ibu bapa bertanggungjawab dalam memastikan anak-anak mendapat pelajaran sehingga ke menara gading.
Selain menabung di SSPN-i, apakah alternatif lain untuk ibu bapa menyediakan tabungan pendidikan untuk anak-anak?

SKEMA JAWAPAN

1. Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) merupakan satu skim simpanan wang yang telah direka khas oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi tujuan pembiayaan pengajian pendidikan tinggi.
2. Cara membuka akaun ini ialah dengan membuka akaun SSPN-i secara dalam talian atau berurusan di kaunter PTPTN dan bank-bank terpilih.
3. Tabungan simpanan pendidikan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar yang bakal melanjutkan pelajaran kerana memudahkan pelajar untuk melanjutkan pelajaran tanpa perlu risau tentang yuran dan kos sepanjang pengajian mereka di menara gading.

**** terima jawapan lain yang relevan***

4. Selain menabung di SSPN-i, ibu bapa boleh menyediakan tabungan pendidikan untuk anak-anak dengan menabung di Tabung Haji ataupun mana-mana bank yang menawarkan tabungan simpanan pendidikan.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 22

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : EKONOMI DINAMIK, NEGARA BERWIBAWA

Perniagaan atas talian semakin popular dan mendapat sambutan yang hangat daripada masyarakat dalam era globalisasi ini. Kerajaan turut menyuntik banyak dana dan peruntukan untuk menggalakkan perkembangan perniagaan atas talian. Antara perniagaan atas talian yang terkenal dalam kalangan pengguna di Malaysia ialah Lazada, Shopee dan banyak lagi menggunakan perniagaan atas talian.

Bincangkan kelebihan perniagaan atas talian.

SKEMA JAWAPAN

Kelebihan perniagaan atas talian :-

- i. Menjimatkan masa pengguna.
- ii. Menawarkan pelbagai jenis produk.
- iii. Memudahkan perbandingan harga.
- iv. Mengurangkan risiko perniagaan.
- v. Membuka pasaran global.
- vi. Peniaga mempunyai kebebasan tempat bekerja kerana hanya perlu mengawal segala urusan niaga melalui komputer di mana-mana sahaja.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 23

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : ASLI DAN KONTEMPORARI



Muzik tradisional caklempong merupakan alat muzik tradisional yang tergolong dalam keluarga gong yang berukuran kecil. Alat ini diperbuat daripada gangsa menggunakan teknik acuan. Dalam tradisi terdahulu, caklempong dimainkan semasa upacara pertabalan sultan. Kini, caklempong dimainkan dalam pelbagai situasi, antaranya dalam upacara perkahwinan, perasmian majlis, dan keraian, malahan turut menjadi muzik iringan bagi pencak silat dan tarian. Setelah, melalui tempoh penyelidikan yang agak lama, caklempong diberi susunan baharu berbanding dengan susunan diatonik ketika awal imigrasi. Dengan bilangan bonang yang telah ditambah menjadi kromatik, kini caklempong turut diiringi alat muzik moden. Malah, dalam sesebuah persembahan berskala besar, caklempong turut diiringi oleh orkestra. Walau bagaimanapun, banyak pendapat yang mengatakan bahawa caklempong perlu dikekalkan keasliannya. Kini, setelah sekian lama bertapak dan berkembang di negara kita, sudah tibalah masanya muzik caklempong diterima oleh masyarakat berbilang kaum sebagai muzik warisan bangsa milik semua.

(Sumber : Buku Teks Bahasa Melayu, Tingkatan 4, halaman 162)

SOALAN RANGSANGAN

1. Nyatakan alat muzik tradisional yang tergolong dalam keluarga gong yang berukuran kecil.
2. Bilakah alat muzik caklempong biasa dimainkan pada masa kini?
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk memartabatkan muzik tradisional?
4. Sikap kurang cakna terhadap muzik tradisional dalam kalangan masyarakat merupakan punca-punca muzik tradisional kurang dikenali. Bincangkan.

SKEMA JAWAPAN

1. Alat muzik tradisional yang tergolong dalam keluarga gong yang berukuran kecil ialah caklempong.
2. Pada masa kini alat muzik caklempong biasa dimainkan dalam upacara perkahwinan, perasmian majlis, dan keraian.
3. Pada pendapat saya langkah-langkah memartabatkan semula alat muzik tradisional
 - a. Kempen yang lebih komprehensif.
 - b. Program pertukaran budaya.
 - c. Melazimi memaparkan keunikan alat muzik tradisional dalam media massa.
 - d. Menyalurkan dana secara konsisten kepada penggiat muzik tradisional.
 - e. Memperkasa pertandingan permainan alat muzik tradisional.
 - f. Ibu, bapa dan ahli keluarga mendedahkan kepada anak-anak alat muzik tradisional.

**** terima jawapan lain yang relevan***

4. Sikap kurang cakna terhadap alat muzik tradisional dalam kalangan masyarakat merupakan punca-punca muzik tradisional kurang dikenali.
 - a. Kurang pendedahan dari kecil berkaitan keunikan alat muzik tradisional.
 - b. Peranan media massa yang kurang memaparkan keunikan alat muzik tradisional.
 - c. Persaingan dengan alat muzik moden seperti gitar, piano dan sebagainya.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 24

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : ASLI DAN KONTEMPORARI

Industri kraftangan bukanlah antara kegiatan ekonomi gergasi di Malaysia. Namun kini, industri kraftangan negara kian lenyap ditelan zaman. Sesetengah orang berpendapat bahawa kurangnya perhatian kerajaan terhadap industri ini menjadikan industri kraftangan kian dilupakan.

Ulaskan pernyataan ini.

SKEMA JAWAPAN

Setuju :

Peranan kerajaan

Mengadakan promosi meluaskan pasaran kraftangan secara besar-besaran bagi menarik minat ramai pengusaha kraftangan.

- a. mengadakan minggu kraftangan peringkat antarabangsa untuk menggalakkan pengusaha kraftangan bergiat lebih aktif selain kerajaan dapat menyelam sambil minum air dengan menarik lebih ramai pelancong.
- b. mempromosikan barangan kraftangan ketika mengadakan pelancaran Tahun Melawat Malaysia yang diadakan di negara-negara luar.
- c. Kementerian Seni dan Budaya mengadakan minggu kraftangan bagi menghargai seni dan nilai keaslian barangan kraftangan yang dibuat eksklusif untuk minggu tersebut.

**** terima jawapan lain yang relevan***

Jelaslah bahawa kerajaan memainkan peranan yang lebih dominan dalam mempromosikan barangan kraftangan.

Tidak setuju:

Peranan pihak lain:

- a. peranan media massa dalam menerapkan minat terhadap seni kraftangan.
- b. kreativiti pengusaha barangan kraftangan.
- c. sokongan masyarakat terhadap industri kraftangan itu sendiri.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 25

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : SEGALANYA BERMULA DI SINI

PENCEMARAN ALAM SEKITAR



Pencemaran udara, air dan bunyi yang berlaku di sekeliling kita telah membimbangkan banyak pihak. Semua bentuk pencemaran ini mendatangkan pelbagai masalah kepada orang ramai. Antaranya, masalah kesihatan dan menjejaskan ekonomi negara. Kita boleh mengambil contoh pencemaran udara seperti jerebu yang mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada masyarakat. Selain boleh menjejaskan kesihatan, institusi pendidikan juga terpaksa ditutup. Masalah ini bertambah teruk apabila pengangkutan udara seperti kapal terbang menunda jadual penerbangan atas faktor keselamatan. Kesimpulannya, pelbagai pihak mesti berusaha menangani masalah pencemaran alam sekitar demi kesejahteraan hidup.

(Sumber : Internet)

SOALAN RANGSANGAN

1. Nyatakan pencemaran yang berlaku di sekeliling kita.
2. Apakah masalah yang berlaku disebabkan pencemaran alam sekitar?
3. Pada pendapat anda, apakah punca-punca berlakunya pencemaran alam sekitar?
4. Cadangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar.

SKEMA JAWAPAN

1. Pencemaran udara, air dan bunyi.
2. Masalah yang berlaku ialah :
 - i. Masalah kesihatan.
 - ii. Menjejaskan ekonomi.
3. Puncanya ialah :
 - i. Sikap tidak bertanggungjawab individu dan organisasi.
 - ii. Penguatkuasaan undang-undang yang lemah.
 - iii. Pembuangan sisa industri dan pertanian yang tidak dikawal.
 - iv. Pembakaran terbuka.

*** terima jawapan lain yang relevan**
4. Usahanya ialah :
 - i. Pihak berwajib menghukum individu atau organisasi yang didapati bersalah mencemarkan alam sekitar.
 - ii. Pihak sekolah hendaklah memperkenalkan pendidikan alam sekitar kepada murid-murid sekolah.
 - iii. Pihak kerajaan perlu melaksanakan kempen dengan lebih berkesan.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 26

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : SEGALANYA BERMULA DI SINI

Cara hidup moden merupakan penyumbang utama kerosakan alam sekitar.

Bincangkan.

SKEMA JAWAPAN

1. Sikap masyarakat moden yang kurang prihatin terhadap kesan yang mungkin timbul akibat pencemaran alam sekitar - beranggapan bahawa bukan tanggungjawab mereka - kesannya, kehidupan dan kesejahteraan masyarakat akan terjejas - contohnya, perbuatan membuang sampah ke sungai memberi kesan terhadap hidupan akuatik di sungai.
2. Sikap sesetengah pihak yang tamak terhadap wang ringgit yang dapat dikaut dengan mudah - contohnya, aktiviti penebangan hutan secara haram - kesannya, mengundang bencana alam seperti banjir kilat dan tanah runtuh.

BILANGAN 27

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : SIHAT DAN BERSIH PILIHANKU

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENCEMARAN AIR



Pencemaran air didefinisikan sebagai apa-apa perubahan langsung atau tidak langsung kepada sifat-sifat fizikal, haba, biologi, atau radioaktif iaitu mana-mana bahagian alam sekitar yang melepaskan, mengeluarkan, atau meletakkan buangan ini sehingga menjejaskan kegunaannya dan menyebabkan suatu keadaan berbahaya dan memudaratkan kesihatan, keselamatan dan kebajikan pihak awam, atau kehidupan lain seperti burung, hidupan liar, ikan dan hidupan akuatik serta tumbuh-tumbuhan air. Pencemaran sungai sebenarnya berpunca daripada perbuatan manusia sendiri. Sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pihak seperti pembuangan sampah yang tidak berdisiplin ke dalam sungai membawa kepada pencemaran sungai tersebut. Di samping itu, kepesatan pembangunan menyumbang kepada pencemaran sungai. Kepesatan pembangunan turut menyumbang kepada pembuangan sisa toksik serta sisa industri lain ke dalam sungai.

(Sumber : Internet)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah maksud pencemaran air?
2. Apakah yang menyebabkan berlaku pencemaran sungai?
3. Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kesan sekiranya masalah pencemaran sungai terus berlaku?
4. Cadangkan beberapa langkah untuk mengatasi masalah pencemaran sungai.

SKEMA JAWAPAN

1. Apakah maksud pencemaran air?

Pencemaran air didefinisikan sebagai apa-apa perubahan langsung atau tidak langsung kepada sifat-sifat fizikal, haba, biologi, atau radioaktif iaitu mana-mana bahagian alam sekitar yang melepaskan, mengeluarkan, atau meletakkan buangan ini sehingga menjejaskan kegunaannya dan menyebabkan suatu keadaan berbahaya dan memudaratkan kesihatan, keselamatan dan kebajikan pihak awam, atau kehidupan lain seperti burung, hidupan liar, ikan dan hidupan akuatik serta tumbuh-tumbuhan air.

2. Apakah yang menyebabkan berlaku pencemaran sungai?

Punca pencemaran sungai :

- a. Perbuatan manusia sendiri.
- b. Sikap tidak bertanggung jawab sesetengah pihak seperti pembuangan sampah yang tidak berdisiplin ke dalam sungai membawa kepada pencemaran sungai tersebut.
- c. Kepesatan pembangunan menyumbang kepada pencemaran sungai.
- d. Terdapat pengusaha ternakan binatang membuang sisa yang tidak digunakan ke dalam sungai.

3. Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kesan sekiranya masalah pencemaran sungai terus berlaku?

Kesan pencemaran sungai.

- a. Kesan terhadap kesihatan manusia.
- b. Kesan kepada kualiti air.
- c. Menjejaskan keindahan alam.
- d. Kemusnahan hidupan akuatik.
- e. Berlakunya banjir.

*** terima jawapan lain yang relevan**

4. Cadangkan beberapa langkah untuk mengatasi masalah pencemaran sungai.

Langkah mengatasi pencemaran sungai :

- a. Kerajaan perlu mengadakan Kempen Cintai Sungai.
- b. Pihak kerajaan perlu mengadakan/menguatkuasakan undang-undang dengan lebih ketat lagi ke atas pesalah yang mencemarkan sungai.
- c. Peranan media massa juga ditagih dalam menangani isu pencemaran sungai.
- d. Peranan ibu bapa juga memainkan peranan dalam mendidik anak-anak tentang pemeliharaan sungai.
- e. Peranan pihak sekolah dalam memupuk nilai-nilai murni dalam penjagaan sungai.

**** terima jawapan lain yang relevan.***

BILANGAN 28

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA: SIHAT DAN BERSIH PILIHANKU

Kesihatan amat penting dalam kehidupan kita sehari-hari. Dengan memiliki tubuh badan yang sihat, seseorang dapat melaksanakan aktiviti harian tanpa halangan. Anak-anak dapat ke sekolah menimba ilmu dan ibu bapa dapat mencari rezeki untuk keluarga. Bagi sesetengah orang, nikmat kesihatan hanya disedari apabila mereka diserang penyakit. Mereka sanggup menghabiskan wang membeli ubat dan makanan kesihatan untuk mengubati penyakit yang dihadapi.

Ulaskan pernyataan berikut.

SKEMA JAWAPAN

Cara atau langkah menjaga kesihatan

- a. Menjaga kebersihan persekitaran tempat tinggal.
- b. Pemeriksaan kesihatan amat wajar dilakukan untuk memastikan kesihatan kita berada dalam keadaan baik.
- c. Mengamalkan pemakanan seimbang.
- d. Kesihatan kita akan lebih terjamin jika kita melakukan kegiatan riadah.
- e. Mengamalkan gaya hidup sihat.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 29

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA: ANGIN PERUBAHAN MEMBADAI

DRON



Dron merupakan sejenis pesawat udara yang tidak memerlukan juruterbang untuk mengendalikannya. UAV memiliki dua kelainan iaitu sama ada yang dikendalikan secara kawalan jauh, atau boleh diterbangkan secara bebas berdasarkan rancangan penerbangan yang sejak awal-awal lagi telah diprogramkan dengan menggunakan sistem automasi dinamik yang sukar. Pada masa sekarang, kebanyakan UAV boleh melaksanakan misi-misi pengawasan dan juga serangan. UAV juga kini semakin banyak digunakan untuk kegunaan awam, seperti memadamkan kebakaran. UAV sering kali digunakan di dalam misi-misi yang sangat "bosan, kotor, atau berbahaya" untuk sesebuah pesawat yang berpemandu. Perbezaan UAV dengan peluru berpandu, UAV ditakrifkan sebagai berupaya dikawal dan dikekalkan, penerbangan separas dan dikuasai oleh sebuah enjin jet atau enjin salingan. Peluru berpandu krus tidak dikelaskan sebagai sebuah UAV kerana sepertimana peluru berpandu yang lain, kenderaan ini sendiri merupakan sejenis senjata yang tidak boleh digunakan semula, meskipun dalam sesetengah kes ia tidak berpemandu dan dikendalikan secara kawalan jauh.

(Sumber : Internet)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah dron?
2. Senaraikan tiga kegunaan dron yang biasa digunakan pada masa ini.
3. Pada pendapat anda, mengapakah kegunaan dron semakin diperluaskan penggunaannya?
4. Berikan ulasan anda tentang keburukan dron.

SKEMA JAWAPAN

1. Apakah dron?

Dron merupakan sejenis pesawat udara yang tidak memerlukan juruterbang untuk mengendalikannya.

2. Senaraikan tiga kegunaan dron yang biasa digunakan pada masa ini.

Pada masa sekarang, kebanyakan UAV boleh melaksanakan misi-misi pengawasan dan juga serangan. UAV juga kini semakin banyak digunakan untuk kegunaan awam, seperti memadamkan kebakaran. UAV sering kali digunakan di dalam misi-misi yang sangat "bosan, kotor, atau berbahaya" untuk sesebuah pesawat yang berpemandu.

3. Pada pendapat anda, mengapakah kegunaan dron semakin diperluaskan penggunaannya?

- i. Membantu mendapatkan imej yang sebelum ini sukar diperoleh.
- ii. Kecil, ringan, mudah alih dan senang dibawa.
- iii. Senang untuk dikendalikan, hanya memerlukan seorang sudah cukup.
- iv. Tabur baja dan siram air di kawasan tanaman dengan lebih mudah dan pantas.
- v. Memantau kebakaran atau banjir.
- vi. Kesan penyakit atau serangan daripada serangga perosak serta boleh membuat rawatan.
- vii. Proses merekod dan inventori.
- viii. Perkhidmatan penghantaran barang kepada pelanggan.
- ix. Eksplorasi sama ada dalam air, gas, minyak dan galian.
- x. Tujuan dokumentasi seperti laporan kemalangan, pengesahan pembinaan dan status kerja di tapak pembinaan.
- xi. Siasatan di lokasi kejadian jenayah.
- xii. Membuat pemantauan di udara.

4. Berikan ulasan anda tentang keburukan dron.
- i. Menceroboh privasi seseorang apabila digunakan untuk mengambil gambar individu di rumah mereka atau kawasan yang dianggap milik persendirian.
 - ii. Menceroboh kawasan larangan seperti Kawasan Lapangan Terbang sehinggakan pihak Amerika Syarikat (AS) di bawah Pertubuhan Penerbangan Persekutuan (FAA) menetapkan beberapa undang-undang berkaitan dron antaranya melarang ia diterbangkan di kawasan berisiko seperti di lapangan terbang.
 - iii. Menerbangkan dron di kawasan yang mengundang bahaya kepada orang ramai seperti di kawasan bandar dan kawasan jalan raya dan kawasan yang berisiko.
 - iv. Menimbulkan banyak kebimbangan keselamatan seperti berlanggar di ruang udara dan hilang kawalan terutamanya bagi kegunaan komersil dan peribadi.

BILANGAN 30

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA: ANGIN PERUBAHAN MEMBADAI

Kenderaan merupakan sebahagian daripada keperluan hidup manusia dalam menghadapi kehidupan seharian. Teknologi berkaitan kenderaan sentiasa berubah dan semakin berkembang mengikut peredaran zaman. Pada masa hadapan, teknologi, reka bentuk, ciri, dan peranan kenderaan turut berubah .

Berikan ulasan anda.

SKEMA JAWAPAN

Di zaman inovasi teknologi yang hebat ini, semua kereta masa depan akan menjadi nyata tidak lama lagi. Nampaknya kereta yang baru kita tonton dalam filem fiksi ilmiah akan sampai ke stesen minyak. Dan seseorang dapat dengan mudah menganggap bahawa dalam beberapa yang akan datang tahun, dalam tempoh 2020 - 2030, kereta masa depan ini akan menjadi kenyataan dan dapat diakses oleh pengguna biasa.

Dalam keadaan ini, kita semua mesti bersedia untuk ini dan tahu dan teknologi kereta masa depan yang berdasarkan pada Sistem Pengangkutan Pintar (ITS).

Untuk kereta masa depan, teknologi canggih telah dikembangkan seperti Kecerdasan Buatan (AI), Internet of Things (IoT), dan Big Data. Ini, khususnya, memberi jalan masuk kepada Sistem Pengangkutan Pintar yang mampu mengubah kereta biasa menjadi kereta pintar.

Sistem Pengangkutan Pintar menyediakan tahap automasi dan pemprosesan maklumat yang membolehkan kereta bergerak secara bebas (tanpa pemandu). Prototaip Rolls-Royce Vision 100 direka tanpa tempat duduk dan stering depan. Sebaliknya, kereta itu mempunyai kecerdasan buatan, Call Eleanor, yang berfungsi sebagai pembantu maya pemandu.

Pelbagai subtype AI adalah bahagian penting dari semua kereta masa depan. Bermula dari Pemprosesan Bahasa Asli (NLP), yang menyediakan interaksi dengan pembantu pemandu maya, hingga Computer Vision, yang membolehkan kereta mengenal pasti objek yang ada di sekitar (kenderaan lain, orang, tanda lalu lintas, dll.).

Sebaliknya, IoT memberikan kereta masa depan yang belum pernah terjadi sebelumnya akses ke maklumat digital. Teknologi ini, dengan bantuan beberapa sensor dan kamera, membolehkan kereta menyambung dan bertukar data dengan peranti lain yang berkaitan dengan lalu lintas (kenderaan lain, lampu isyarat, jalan pintar, dll.).

Di samping itu, terdapat teknologi seperti LiDAR (Light Detection and Ranging). Sistem ini berdasarkan penggunaan sensor laser yang terletak di bahagian atas kereta, yang mengimbas 360 ° di sekitar kereta. Ini membolehkan kereta melakukan unjuran tiga dimensi kawasan di mana ia berada dan objek yang mengelilinginya.

Beberapa yang utama ciri-ciri kereta masa depan yang mesti diketahui oleh semua pemandu kenderaan:

- Pelepasan sifar. Semua kereta masa depan akan ada 0 pelepasan dan akan berfungsi menggunakan motor elektrik atau sistem hidrogen.
- Lebih ruang. Mereka tidak akan mempunyai mekanisme enjin pembakaran dalaman yang besar. Semua ruang dalam reka bentuk dalaman, untuk kemudahan penumpang.
- Keselamatan maksimum. Sistem Pengangkutan Pintar akan dipasang di kereta masa depan mempunyai kelebihan berikut:
 - Mengekalkan jarak yang selamat dengan objek lain semasa mereka bergerak.
 - Berhenti automatik.
 - Tempat letak kenderaan sendiri.

· Perwakilan pengurusan. Banyak model kereta masa depan akan dapat memandu secara autonomi atau rujukan perwakilan. Ini dapat dilaksanakan berkat sistem seperti Tesla Autopilot, alternatif yang berkesan Sistem Lidar. Hingga kini, kenderaan yang menggunakan teknologi paling maju mencapai 4 tahap autonomi, tetapi dijangkakan antara tahun 2020 dan 2030 mereka akan mencapai tahap 5.

· Pemindahan maklumat... Seperti yang kami sebutkan, di masa depan, kereta akan dapat berkomunikasi dengan pelbagai peranti. Sebagai contoh, jenama seperti BMW, Ford, Honda dan Volkswagen sedang dalam proses menguji sistem kenderaan, untuk komunikasi dengan lampu isyarat, dan jenis komunikasi dan pertukaran maklumat lain, seperti Vehicle-to-Vehicle (V2V) dan Vehicle -ke-Infrastruktur (V2I).

Di samping itu, jenama utama, secara tradisinya, bukan satu-satunya yang membangunkan kereta masa depan tetapi juga, beberapa jenama yang lebih muda seperti Tesla dan juga jenama yang tidak berkaitan dengan pengeluaran kereta seperti Google (Waymo), Uber dan Apple juga melakukannya. Ini bermaksud, tidak lama lagi, kita akan melihat di jalan raya, kereta dan mekanisme, benar-benar inovatif, luar biasa dan menarik.

BILANGAN 31

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : DIPIMPIN UNTUK MEMIMPIN

Baca dan fahami petikan di bawah dengan telitinya, Kemudian jawab soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Kepemimpinan merujuk kepada kemampuan mengambil peranan mempengaruhi orang lain ke arah kebaikan. Seorang pemimpin perlu mempunyai personaliti yang mampu mempengaruhi orang lain serta bersedia ditegur atau dikritik oleh orang lain. Selain itu, pemimpin yang baik mempunyai daya fikiran jauh ke hadapan atau berwawasan. Mereka akan sentiasa dipandang oleh masyarakat sekeliling sebagai seorang yang mempunyai nilai integriti dalam diri. Pemimpin yang mempunyai wawasan jelas memiliki daya kekuatan hingga mampu menggerakkan orang lain serta mempunyai daya tahan fizikal dan mental. Sehubungan itu, kita wajar melatih generasi muda supaya mempunyai nilai dan ciri kepemimpinan yang mampu mengurus diri serta mempengaruhi orang lain di sekelilingnya. Hakikatnya, banyak nilai positif dalam kepemimpinan perlu didedahkan kepada generasi muda kerana kita tidak mahu meninggalkan generasi yang lemah untuk menghadapi cabaran lebih hebat pada masa hadapan.

(Sumber : *Berita harian Online*, 27 November 2017)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan kepimpinan berdasarkan petikan di atas?
2. Jelaskan tiga kelebihan yang dimiliki oleh seseorang yang mempunyai kepimpinan berwawasan?
3. Pada pendapat anda, apakah peranan generasi muda dalam membangunkan dan memajukan negara.
4. Golongan remaja pada hari ini sebahagian sahaja yang ingin menyumbangkan tenaga kepada negara kerana masih dibuai dengan keseronokan dunia.

Ulasakan pernyataan tersebut.

SKEMA JAWAPAN

1. Kepemimpinan merujuk kepada kemampuan mengambil peranan mempengaruhi orang lain ke arah kebaikan.
 2. Kelebihannya :
 - i. Daya fikiran jauh ke hadapan atau berwawasan.
 - ii. Sentiasa dipandang oleh masyarakat sekeliling sebagai seorang yang mempunyai nilai integriti dalam diri.
 - iii. Memiliki daya kekuatan hingga mampu menggerakkan orang lain serta mempunyai daya tahan fizikal dan mental.
 3. Peranannya :
 - i. Tulang belakang kepada keutuhan dan kekuatan sesuatu bangsa dan negara.
 - ii. Mempunyai sikap berdikari dalam segala usaha mereka dan berani menghadapi perubahan ke arah kebaikan.
 - iii. Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan mengikuti pelbagai perkembangan maklumat dan ilmu yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka.
- * terima jawapan lain yang relevan**
4. Punca :
 - i. Enggan memajukan diri kerana menganggap pembangunan negara adalah tanggungjawab kerajaan sahaja.
 - ii. Mengutamakan keseronokan dan kenikmatan dunia semata-mata terpengaruh dengan nilai hidup negatif dan pengaruh barat yang lebih mengutamakan keseronokan yang melampau.
 - iii. Tidak mempunyai jati diri dan disiplin yang tinggi.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 32

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : DIPIMPIN UNTUK MEMIMPIN


Belia merupakan tulang belakang kepada keutuhan sesuatu bangsa dan negara. Cabaran pada masa hadapan yang akan ditempuh oleh para belia adalah lebih hebat memerlukan persiapan atau persediaan diri yang hebat. Oleh itu, usaha-usaha hendaklah terus ditumpukan kepada peningkatan keupayaan dan kecekapan mereka.

Ulaskan pernyataan tersebut.

SKEMA JAWAPAN

- i. Melengkapkan generasi muda dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian dengan kelayakan dan keperluan.
- ii. Menyediakan bakal pemimpin negara yang mempunyai disiplin yang tinggi bagi melahirkan belia yang bermoral dan beretika.
- iii. Menyediakan medium kepada belia untuk berpersatuan dan menyuarakan pandangan dan pendapat dalam pembangunan negara.
- iv. Mengadakan program-program bagi memantapkan jati diri belia untuk mendepani cabaran dan ancaman masa hadapan.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 1**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU****[40 MARKAH]****TEMA : ANDA BERSIH, ANDA SIHAT**

Keadaan wabak influenza ketika ini dalam keadaan terkawal. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan kes di 10 buah negeri termasuk Bandar Raya Kuala Lumpur dan Putrajaya. Laporan pengawasan influenza yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan menunjukkan peningkatan pola aktiviti virus influenza dalam persekitaran. Tiada sebarang kelainan, perubahan, atau mutasi pada penularan influenza ketika ini. Penularan influenza di Malaysia adalah sama seperti kes yang dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia di pelbagai negara tropika lain. Bagi kes influenza di sekolah, negeri Selangor mencatatkan bilangan kes tertinggi, iaitu 387 kes, Pulau Pinang pula mencatatkan 161 kes dan Johor mencatatkan 109 kes. Negeri-negeri lain mempunyai bilangan kes influenza kurang daripada 100 kes. Tan Sri Noor Hisham turut mencadangkan mereka yang mempunyai gejala jangkitan influenza supaya berehat di rumah dan tidak berada di tempat tumpuan awam, makan angin, atau bertemu dengan orang lain. Jika perlu mengadakan pertemuan, mereka dinasihati agar memakai pelitup muka.

(Sumber : Berita Harian, 14 Januari 2021
dalam Buku Teks Bahasa Melayu,
Tingkatan 5, halaman 4)

SOALAN RANGSANGAN

1. Nyatakan keadaan wabak influenza di Malaysia ketika ini.
2. Apakah cadangan kepada mereka yang mempunyai gejala jangkitan influenza?
3. Pada pendapat anda, berikan langkah-langkah mengurangkan wabak influenza daripada terus merebak?
4. Sikap kurang cakna terhadap penularan wabak influenza dalam kalangan masyarakat merupakan punca-punca merebaknya jangkitan influenza.
Ulasikan.

SKEMA JAWAPAN

1. Keadaan wabak influenza di Malaysia ketika ini adalah dalam keadaan terkawal. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan kes di 10 buah negeri termasuk Bandar raya Kuala Lumpur dan Putrajaya.
2. Mereka yang mempunyai gejala jangkitan influenza dicadangkan supaya berehat di rumah dan tidak berada di tempat tumpuan awam, makan angin, atau bertemu dengan orang lain. Jika perlu mengadakan pertemuan, mereka dinasihati agar memakai pelitup muka.
3. Pada pendapat saya, langkah-langkah mengurangkan wabak influenza daripada terus merebak ialah :-
 - i. Kerap membasuh tangan.
 - ii. Memakai pelitup muka.
 - iii. Penjarakan sosial.
 - iv. Elakkan berkumpul beramai-ramai.

**** terima jawapan lain yang relevan***

4. Sikap kurang cakna terhadap penularan wabak influenza dalam kalangan masyarakat merupakan punca merebaknya jangkitan influenza.

Kesan sikap kurang cakna - Peningkatan kes yang sangat ketara sehingga menyebabkan penutupan institusi pendidikan, sektor ekonomi.

Punca lain selain daripada sikap kurang cakna juga boleh diulas oleh calon.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 2

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : ANDA BERSIH, ANDA SIHAT

Penyakit bawaan air dan makanan seperti Demam Kepialu (Typhoid), Taun / Kolera, Hepatitis A, Disentri dan keracunan makanan kerap berlaku semasa dan selepas kejadian banjir. Gejala penyakit ini seperti cirit-birit, muntah, demam, sakit perut, dan sakit kepala. Cara jangkitan penyakit ini adalah melalui meminum air atau memakan makanan yang telah dicemari oleh kuman-kuman penyakit tersebut. Penyakit ini sangat mudah berjangkit dan berbahaya. Setiap masyarakat perlu mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan penularan wabak penyakit ini. Ulaskan.

SKEMA JAWAPAN

Langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan penularan wabak penyakit.

- i. Pakai pelitup muka dan cuci tangan dengan sabun dan gunakan pensanitasi tangan.
- ii. Gunakan sapu tangan atau tisu semasa batuk dan bersin.
- iii. Jangan hantar anak yang menghidap penyakit berjangkit ke pusat jagaan kanak-kanak.
- iv. Dapatkan rawatan dengan segeranya jika anda mengalami demam, batuk, dan sukar hendak bernafas.
- v. Tinggal di rumah hingga penyakit sembuh jika diberi cuti sakit.
- vi. Jangan meludah di merata-rata tempat.
- vii. Bersihkan permukaan lantai dan meja yang terkena cecair hidung dan mulut.
- viii. Elakkan diri daripada menyentuh anak atau ahli keluarga jika menghidap penyakit berjangkit.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 3

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : SUKAN DAN REKREASI



Terompah tempurung merupakan antara permainan sukan rakyat yang masih popular pada masa ini. Cara bermainnya adalah dengan meletakkan kaki di atas tempurung. Ibu jari kaki menyepit tali dan tangan pula perlu mengawal tali ketika kaki digerakkan. Permainan ini bukan sahaja bersifat menyeronokkan tetapi dapat menyihatkan tubuh badan dan meningkatkan kekuatan fizikal otot tangan dan kaki kita. Semasa bermain, akan terjadi pengecutan otot terutama di bahagian bawah kaki dan perut yang mengakibatkan kekuatan otot meningkat. Semakin kerap dimainkan, semakin tinggi daya tahan otot tangan dan kaki terhadap rintangan. Selain itu, emosi dan kesabaran dapat dipupuk. Pemain harus bersabar dan terus mengawal keseimbangan badan ketika berdiri dan melangkahkan kaki sedikit demi sedikit sehingga tiba di garisan penamat.

*(Sumber : Buku Teks Bahasa Melayu,
Tingkatan 5, halaman 21)*

SOALAN RANGSANGAN

1. Nyatakan permainan sukan rakyat yang masih popular pada masa ini.
2. Bagaimanakan cara-cara bermain permainan Terompah Tempurung?
3. Pada pendapat anda, jelaskan faedah-faedah bersukan dalam kalangan remaja?
4. Permainan aplikasi dalam telefon pintar seperti *PUBG*, *Free Fire* dan *Squid Games* antara punca remaja meminggirkan sukan rakyat.
Ulaskan.

SKEMA JAWAPAN

1. Nyatakan permainan sukan rakyat yang masih popular pada masa ini.
Permainan sukan rakyat yang masih popular pada masa ini ialah Terompah Tempurung.
2. Bagaimanakan cara-cara bermain permainan Terompah Tempurung?
Cara-cara bermain permainan Terompah Tempurung ialah dengan meletakkan kaki di atas tempurung. Ibu jari kaki menyepit tali dan tangan pula perlu mengawal tali ketika kaki digerakkan.
3. Pada pendapat anda, jelaskan faedah-faedah bersukan dalam kalangan remaja?
 - Menyihatkan tubuh badan - badan cerdas, otak cergas.
 - Melancarkan peredaran darah dan menguatkan jantung.
 - Mengisi masa lapang.
 - Menyeronokkan.
 - Mengeratkan hubungan silaturahim.

*** terima jawapan lain yang relevan**
4. Permainan aplikasi dalam telefon pintar seperti *PUBG*, *Free Fire* dan *Squid Games* antara punca remaja meminggirkan sukan rakyat.
Ulaskan.

Punca-punca :

- Kurang pemantauan daripada ibu bapa / ibu bapa memanjakan anak-anak / ibu bapa membenarkan anak-anak memilik telefon pintar di bawah umur.
- Pengaruh rakan sebaya atau ahli keluarga.
- Pengaruh media massa dan masyarakat.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 4

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : SUKAN DAN REKREASI

Rekreasi merupakan kegiatan menyenangkan yang boleh menyegarkan kembali kesihatan badan dan melapangkan fikiran. Aktiviti berjoging, memancing, berkelah dan berbasikal antara aktiviti rekreasi yang banyak memberi manfaat kepada masyarakat.

Ulaskan.

SKEMA JAWAPAN

- i. Mencergaskan fizikal dan mencerdaskan minda.
- ii. Menghindari segala penyakit.
- iii. Menggunakan masa senggang dengan aktiviti yang berfaedah.
- iv. Mengeratkan silaturahim.
- v. Menyemai semangat bekerjasama dan perpaduan.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 5

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

KERJAYA MENITI JAYA

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Jurusolek adalah orang yang kerjanya menyolek orang lain. Kerjaya sebagai jurusolek ini mungkin nampak mudah bagi sesetengah orang, namun begitu tidak ramai yang mengetahui bahawa selain bakat seni, seseorang jurusolek itu perlu mendalami bidang ini dengan ilmu. Hal ini dikatakan demikian kerana tugas menyolek seseorang itu memerlukan jurusolek membuat kajian tentang kesesuaian wajah, personaliti, warna, dan konsep atau tema sesuatu majlis. Peranan jurusolek kesan khas ini jauh berbeza daripada jurusolek biasa. Jurusolek kesan mengambil masa yang panjang untuk melukis wajah atau membentuk tubuh pelakon agar kesan yang diinginkan tampak semula jadi. Jurusolek khas memerlukan semua kemahiran dan kebolehan yang sama seperti jurusolek biasa, contohnya latar belakang pendidikan dalam bidang kosmetologi sama ada pada peringkat sijil ataupun diploma daripada institusi pendidikan daripada kolej vokasional, kolej komuniti, ataupun institusi pendidikan swasta yang menawarkan bidang tersebut.

(Sumber : Dipetik daripada Solekan Ubah Wajah m.s 31, Buku Teks Tingkatan 5, Kementerian Pendidikan Malaysia)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah maksud jurusolek?
2. Nyatakan perkara yang perlu dikaji oleh seorang jurusolek sebelum menyolek seseorang?
3. Pada pendapat anda, apakah kriteria yang perlu diberi perhatian oleh seseorang dalam memilih kerjaya?
4. Sekiranya anda mempunyai seorang rakan yang belum mempunyai matlamat hidup, bagaimanakah anda dapat membantu agar rakan anda jelas tentang matlamat hidupnya.

SKEMA JAWAPAN

1. Apakah maksud jurusolek?

Jurusolek ialah orang yang bertugas menyolek orang.

2. Nyatakan perkara yang perlu dikaji oleh seorang jurusolek sebelum menyolek seseorang?

Perkara yang perlu dilakukan oleh jurusolek adalah kajian tentang kesesuaian wajah, personaliti, warna, dan konsep atau tema sesuatu majlis.

3. Pada pendapat anda, apakah kriteria yang perlu diberi perhatian oleh seseorang dalam memilih kerjaya?

Pada pendapat saya, kriteria yang perlu diberi perhatian oleh seseorang dalam memilih kerjaya ialah prospek kerjaya tersebut, minat, dan latar belakang pendidikan / ilmu.

**** terima jawapan lain yang relevan***

4. Sekiranya anda mempunyai seorang rakan yang belum mempunyai matlamat hidup, bagaimanakah anda dapat membantu agar rakan anda jelas tentang matlamat hidupnya.

Sekiranya saya mempunyai rakan yang tidak jelas tentang matlamat hidupnya, saya akan menjelaskan kepadanya tentang kepentingan mempunyai matlamat yang jelas. Selain itu, membawanya menemui kaunselor, atau guru yang bersedia untuk berkongsi pendapat.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 6

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : KERJAYA MENITI JAYA

Kerjaya merupakan sesuatu yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Pemilihan kerjaya yang tepat akan mempengaruhi corak kehidupan seseorang itu. Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa faktor pemilihan kerjaya kerana memilih kerjaya bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh.

Bincangkan.

SKEMA JAWAPAN

1. Minat dan cita-cita.
2. Latar belakang akademik dan kemahiran.
3. Pengaruh dan sokongan ahli keluarga.
4. Ekonomi semasa.
5. Suasana pekerjaan.
6. Pembangunan kerjaya.
7. Kepuasan kerja.
8. Personaliti diri.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 7

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : BERSATU KITA TEGUH

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Melayu, Cina dan India merupakan komposisi utama kaum di Malaysia. Peribahasa 'Bagai aur dengan tebing' amat sinonim dengan kehidupan masyarakat di sini. Perpaduan merupakan aset terpenting Malaysia kerana tanpa perpaduan, tidak mungkin keharmonian dapat dinikmati ibarat 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'. Di Malaysia, rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik. Antara kebaikan perpaduan kaum ialah masyarakat dapat hidup dalam keadaan aman dan damai. Keadaan masyarakat yang aman dan damai ini membolehkan aktiviti harian berjalan dengan baik. Perpaduan kaum juga membolehkan masyarakat pelbagai kaum melakukan aktiviti keagamaan dengan bebas dan lancar. Selain itu, perpaduan kaum akan menjadikan negara aman dan tenteram. Keadaan ini membolehkan pihak kerajaan merancang dan melaksanakan pembangunan dengan lancar untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

(Sumber : Dipetik dan diubahsuaikan daripada 'Kepentingan Perpaduan Kaum dalam Sesebuah Negara', <http://pmr.penerangan.gov.my/>)

SOALAN RANGSANGAN

1. Nyatakan tiga komposisi utama kaum utama yang terdapat di Malaysia.
2. Berikan kebaikan-kebaikan perpaduan kaum kepada negara?
3. Pada pendapat anda, apakah amalan-amalan yang wajar dilakukan bagi memupuk perpaduan di sekolah?
4. Banyak negara di dunia berbalah kerana tiada perpaduan dalam kalangan rakyat mereka. Perpaduan kaum umpama aset kepada negara dan perlu diperkasa melalui beberapa usaha. Ulas pernyataan ini.

SKEMA JAWAPAN

1. Komposisi utama kaum di Malaysia ialah Melayu, Cina dan India.
2. Kebaikannya ialah :
 - i. Masyarakat dapat hidup dalam keadaan aman dan damai.
 - ii. Membolehkan masyarakat pelbagai kaum melakukan aktiviti keagamaan dengan bebas dan lancar.
 - iii. Menjadikan negara aman dan tenteram.
3. Amalan yang perlu dilakukannya ialah :
 - i. Amalan rumah terbuka.
 - ii. Mewujudkan sekolah wawasan.
 - iii. Program Hari Kebangsaan.

**** terima jawapan lain yang relevan***

4. Usahanya ialah:
 - i. Aktiviti sukan.
 - ii. Aktiviti kemasyarakatan.
 - iii. Rakyat tidak melibatkan diri dengan sebarang provokasi.
 - iv. Peranan media massa.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 8

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : BERSATU KITA TEGUH

Perpaduan dapat didefinisikan sebagai satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan tanah air. Perpaduan yang terjalin dalam kalangan masyarakat majmuk di negara kita akan dapat mewujudkan negara yang aman dan makmur.

Ulaskan.

SKEMA JAWAPAN

1. Perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk yang utuh.
2. Dapat memupuk persefahaman antara kaum bagi mengelakkan persengketaan.
3. Memudahkan kerjasama antara kaum dalam memajukan ekonomi negara.
4. Melahirkan masyarakat harmoni yang saling menghormati dan menerima kepelbagaian budaya.
5. Menjadi tarikan kepada pelabur dan pelancong asing.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 9

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : PENDIDIKAN UNTUK SEMUA

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Ciri murid cemerlang ialah bermoral tinggi dan mempunyai akhlak yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana murid yang bermoral tinggi akan menerapkan nilai-nilai murni yang baik dalam kehidupan seharian mereka. Sebenarnya, dengan akhlak yang baik pula, murid dapat menanam nilai keagamaan yang dipelajari dalam membuat keputusan yang betul. Ciri ini dapat membantu murid untuk tidak terjebak dengan permasalahan sosial seperti membuang masa melepak di pusat membeli belah dan bergaul bebas dengan golongan yang bermasalah. Persis kata peribahasa Melayu, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Ibu bapa perlu menjadi tauladan terbaik kepada anak-anak di rumah manakala guru akan menambah nilai dalam memantapkan sahsiah murid di sekolah. Impaknya, murid yang bermoral tinggi dan mempunyai akhlak yang baik pasti akan menjadi seorang murid yang cemerlang dalam akademik mahupun kokurikulum.

(Sumber : <https://www.ipendidikan.my/ciri-ciri-pelajar-cemerlang.html>)

SOALAN RANGSANGAN

1. Nyatakan ciri-ciri murid yang cemerlang.
2. Bagaimanakah cara-cara menanam nilai ciri murid cemerlang dalam diri seseorang?
3. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang wajar anda dilakukan supaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan?
4. Budaya lepak, pergaulan bebas dan terpengaruh dengan permainan video dalam talian mengganggu fokus seseorang dalam pendidikan.
Ulas pernyataan ini.

SKEMA JAWAPAN

1. Ciri murid cemerlang ialah bermoral tinggi dan mempunyai akhlak yang baik.
2. Cara-cara menanam nilai ciri murid cemerlang dalam diri seseorang ialah ibu bapa perlu menjadi tauladan terbaik kepada anak-anak di rumah manakala guru akan menambah nilai dalam memantapkan sahsiah murid di sekolah.
3. Usaha yang wajar dilakukan :
 - i. Belajar bersungguh-sungguh.
 - ii. Fokus semasa guru mengajar.
 - iii. Mendekatkan diri kepada Tuhan dan sentiasa mendekatkan diri dengan ajaran agama.
 - iv. Berdisiplin.

**** terima jawapan lain yang relevan***

4. Punca :
 - i. Keghairahan dengan permainan dalam talian.
 - ii. Leka dengan permainan yang ditawarkan.
 - iii. Kurang berfokus dengan tugas sekolah.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 10

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : PENDIDIKAN UNTUK SEMUA

Setiap remaja perlu mempunyai matlamat yang jelas tentang masa depan dan kerjaya mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana remaja perlu membuat persediaan yang awal bagi mencapai matlamat kerjaya yang ingin diceburinya. Kerjaya yang dipilih akan menentukan kejayaan hidup seseorang. Persediaan yang perlu diberikan perhatian termasuklah mata pelajaran yang diambil, kemahiran komunikasi, kemahiran teknologi maklumat dan kemahiran teknikal yang lain. Bincangkan.

SKEMA JAWAPAN

Persediaan yang perlu dilakukan oleh remaja ialah;

- i. Memastikan mata pelajaran yang diceburi adalah menjurus kepada bidang kerjaya yang ingin diceburi / ilmu yang mendalam.
- ii. Memperbanyak membaca bahan bacaan bidang berkaitan. Contoh: Teknikal - vokasional sebagai jurusolek, kulinari, mekanikal, doktor, kejuruteraan - menceburi bidang sains.
- iii. Menguasai kemahiran komunikasi / kemahiran sosial - berketerampilan berbahasa- kesantunan berbahasa dan bijak menggunakan bahasa mengikut situasi.
- iv. Menguasai kemahiran teknologi maklumat - mempelajari kemahiran teknikal - yang berkaitan dengan bidang yang diceburi.
- v. Peka terhadap isu semasa - Sentiasa peka dengan perkembangan dunia.
- vi. Jati diri yang mantap - berusaha gigih untuk mencapai kejayaan-konsisten dalam menetapkan matlamat hidup.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 11

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Proses penggunaan e-dompet semakin banyak dilakukan terutamanya di bandar-bandar besar kerana menawarkan lebih banyak kemudahan untuk pengguna. Perkara yang perlu dilakukan adalah dengan mengimbas atau mengetik peranti yang berkaitan. Contohnya, telefon pintar ke peranti pembayaran semasa membayar item yang hendak dibeli. Oleh itu, pengguna dapat melakukan pembelian dalam masa beberapa saat sahaja melalui teknologi ini. Penggunaan e-dompet di Malaysia berkembang pantas sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan peningkatan pertumbuhan yang dipacu oleh usaha kerajaan dan pemasaran aktif oleh pelbagai syarikat. Dengan kadar penembusan Internet yang tinggi, iaitu 80 peratus dan penembusan telefon pintar sebanyak 63 peratus, unjuran bagi pembayaran digital dan e-dompet menyaksikan peluang yang cerah pada tahun 2020 dan pada masa akan datang.

(Sumber : Internet)

SOALAN RANGSANGAN

1. Mengapakah penggunaan e-dompet semakin banyak digunakan terutamanya di bandar-bandar besar?
2. Apakah yang menyebabkan penggunaan e-dompet berkembang pantas di Malaysia?
3. Penggunaan e-dompet merupakan aplikasi baharu diperkenalkan di negara kita. Pada pendapat anda, apakah halangan-halangan yang menyebabkan aplikasi e-dompet masih belum banyak digunakan berbanding dengan negara-negara maju yang lain?
4. Anda telah terpilih sebagai wakil sebuah syarikat pengendali operasi e-dompet di Malaysia. Anda dikehendaki menyampaikan taklimat untuk menarik perhatian masyarakat agar menggunakan aplikasi e-dompet.
Terangkan isi-isi utama taklimat tersebut.

SKEMA JAWAPAN

1. Penggunaan e-dompet semakin banyak dilakukan terutamanya di bandar-bandar besar kerana menawarkan lebih banyak kemudahan untuk pengguna.
2. Penggunaan e-dompet di Malaysia berkembang pantas sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan peningkatan pertumbuhan yang dipacu oleh usaha kerajaan dan pemasaran aktif oleh pelbagai syarikat.
3. Halangan-halangan yang menyebabkan aplikasi e-dompet masih belum banyak digunakan di negara kita berbanding dengan negara-negara maju yang lain ialah :
 - i. Rangkaian atau liputan Internet di negara kita masih tidak meluas terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman.
 - ii. Masyarakat masih meragui sistem keselamatan e-dompet yang dikatakan boleh diceroboh.
 - iii. Penggunaan yang terhad, tidak semua kedai menggunakan aplikasi e-dompet dalam urusan niaga kita.
 - iv. Kadar celik teknologi yang masih rendah dalam kalangan masyarakat yang sudah berumur dan kawasan kampung atau pedalaman.

*** terima jawapan lain yang relevan**

4. Isi-isi utama taklimat

- i. Menjelaskan manfaat e-dompet kepada masyarakat.
- ii. Memberi penekanan terhadap penggunaan e-dompet yang akan memudahkan masyarakat dalam membuat pembelian.
- iii. Penggunaan e-dompet lebih selamat kerana tidak perlu membawa wang tunai yang banyak ketika membeli-belah dan proses transaksi secara digital dapat mengurangkan risiko penipuan dan kecurian.
- iv. Perbelanjaan direkodkan - tidak perlu risau memikirkan ke mana duit dibelanjakan kerana dengan penggunaan aplikasi ini, anda boleh menjejak sejarah perbelanjaan dan transaksi yang dilakukan oleh anda menerusi aplikasi e-dompet.
- v. Dapat menjimatkan masa - Beratur panjang di plaza tol dan kedai boleh dielakkan dengan penggunaan aplikasi e-dompet kerana boleh menambah nilai secara atas talian dan tidak perlu menunggu untuk menerima duit baki di kaunter tunai. Semuanya mudah dengan aplikasi digital ini.
- vi. Pelbagai diskaun - Kebanyakan e-dompet menawarkan pelbagai bentuk diskaun dengan tawaran pulangan tunai dan baucar dari pelbagai syarikat pedagang dan dapat menjimatkan wang.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 12

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

(30 Markah)

TEMA : SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Perkembangan sains dan teknologi merujuk perubahan dalam penghasilan alat-alat yang memudahkan kehidupan manusia. Produk seperti kereta, komputer, televisyen dan telefon bimbit menjadi bukti perkembangan sains dan teknologi tersebut. Sesungguhnya, kemajuan dalam bidang ini mendatangkan banyak kebaikan kepada manusia.
Bincangkan.

SKEMA JAWAPAN

Kebaikan / manfaat / faedah perkembangan sains dan teknologi

1. Memudahkan kerja harian manusia.
2. Memudahkan komunikasi dan perhubungan.
3. Memodenkan bidang pertanian.
4. Meningkatkan sistem pengangkutan.
5. Membantu dalam bidang pendidikan.
6. Meningkatkan tahap kesihatan manusia.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 13

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN



Pada hari ini, pelbagai jenis cuka dihasilkan daripada proses fermentasi dengan menggunakan yis dan bakteria asid asetik. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah berjaya menemukan bahan asas yang murah untuk menghasilkan cuka. MARDI telah membangunkan proses penghasilan cuka melalui proses fermentasi yang telah ditambah baik menggunakan air kelapa matang. Dalam industri pemprosesan kelapa terutamanya dalam pemprosesan kelapa matang bagi industri santan, terdapat penghasilan air kelapa matang yang dikategorikan sebagai sisa. Pada kebiasaannya, air kelapa matang ini mempunyai rasa yang tidak enak tetapi masih mempunyai nilai nutrisi yang tinggi. Melalui proses fermentasi menggunakan mikroorganisma terpilih, nilai air kelapa matang ini akan ditambah baik kepada sesuatu yang mempunyai nilai yang tinggi dari segi nutrien dan harga.

(Sumber : Buku Teks Tingkatan 5)

SOALAN RANGSANGAN

1. Nyatakan dua bahan yang digunakan untuk menghasilkan cuka melalui proses fermentasi.
2. Bagaimanakah proses penghasilan cuka yang dibangunkan oleh MARDI?
3. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha pihak kerajaan untuk membantu para petani meningkatkan hasil pertanian.
4. Generasi muda kini rata-rata kurang berminat menceburkan diri dalam bidang pertanian. Berikan ulasan anda tentang pernyataan tersebut.

SKEMA JAWAPAN

1. Dua bahan yang digunakan untuk menghasilkan cuka melalui proses fermentasi ialah yis dan bakteria asid asetik.
2. Proses penghasilan cuka yang dibangunkan oleh proses fermentasi yang telah ditambah baik menggunakan air kelapa matang.
3. Usaha-usaha kerajaan untuk membantu petani meningkatkan hasil pertanian ialah :
 - i. Memberikan bantuan modal kepada petani.
 - ii. Memberikan pendedahan tentang pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi.
 - iii. Memberikan bantuan subsidi.
 - iv. Memasarkan hasil petani.

**** terima jawapan lain yang relevan***

4. Punca :
 - i. Kurang berminat dengan sektor pertanian.
 - ii. Gaji yang ditawarkan agak rendah.
 - iii. Masalah kewangan yang dihadapi petani.
 - iv. Masalah serangan serangga perosak.
 - v. Hasil pertanian tidak dapat dipasarkan.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 14

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : MELANCONG MENCARI MAKNA

**PERKHIDMATAN KESIHATAN
MALAYSIA DIKTIRAF DUNIA**

Diiktiraf sebagai destinasi pelancongan kesihatan dan perubatan selama tiga tahun berturut-turut oleh Laporan Journal Antarabangsa Pelancongan Kesihatan sejak 2015 hingga 2017.

Pencapaian ini kerana aku janji dibuat kerajaan selama ini dilaksanakan.

Kerajaan menyediakan peruntukan RM27 bilion dan RM26 bilion kepada Kementerian Kesihatan masing-masing pada Bajet 2018 dan 2017.

#BarisanProRakyat

Pelancongan kesihatan ialah pelancongan yang dilakukan bertujuan untuk mendapatkan rawatan di samping makan angin. Kerajaan telah mula menitikberatkan pelancongan kesihatan sebagai salah satu cara diversifikasi ekonomi dan industri kesihatan dan pelancongan semasa krisis kewangan Asia muncul pada tahun 1997. Pada tahun 2009, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menubuhkan Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia atau *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) untuk berkhidmat sebagai agensi utama dalam mempromosikan dan membangunkan industri pelancongan perubatan negara. MHTC sedang gigih bekerjasama dengan dengan pembekal perubatan untuk membangkitkan kesedaran terhadap perkhidmatan kesihatan Malaysia yang bertaraf dunia. Menerusi laman sesawang *International Living*, Malaysia diletakkan pada kedudukan pertama memiliki perkhidmatan kesihatan terbaik dunia dengan markah 95 peratus.

(Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada BH Online, 2 Mei 2019)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah tujuan pelancongan kesihatan dilakukan.
2. Berdasarkan petikan, berikan usaha-usaha yang dilakukan untuk menarik lebih pelancong kesihatan datang ke Malaysia.
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah memajukan industri pelancongan di Malaysia?
4. Industri pelancongan memberi kesan terhadap masyarakat setempat.
Ulaskan pernyataan tersebut.

SKEMA JAWAPAN

1. Pelancongan kesihatan ialah pelancongan yang dilakukan bertujuan untuk mendapatkan rawatan di samping makan angin.
2. Usaha-usaha yang dilakukan untuk menarik lebih pelancong kesihatan datang ke Malaysia ialah Kementerian Kesihatan Malaysia telah menubuhkan Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia atau *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) untuk berkhidmat sebagai agensi utama dalam mempromosikan dan membangunkan industri pelancongan perubatan negara.
3. Langkah-langkah memajukan industri pelancongan di Malaysia :
 - i. Kerajaan melalui kempen - Tahun Melawat Malaysia.
 - ii. Peranan media massa mewara-warakan dalam media cetak dan media elektronik.
 - iii. Menambahbaik infrastruktur yang sedia ada.
 - iv. Menawarkan harga rendah.

*** terima jawapan lain yang relevan**

4. Kesan terhadap masyarakat setempat :
 - i. Membuka peluang pekerjaan.
 - ii. Meningkatkan pendapatan penduduk.
 - iii. Memperkenalkan budaya setempat.


BILANGAN 15

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Contoh muka hadapan kad kredit biasa:

Logo bank pengeluar
Cip **EMV** (hanya pada
"kad pintar")
Nombor kad bank
Logo rangkaian kad
Tarikh tamat tempoh
Nama pemegang kad
Cip tanpa sentuh

Kad kredit adalah sejenis kad pembayaran yang dikeluarkan kepada pengguna (pemegang) untuk membolehkan mereka membayar barangan dan perkhidmatan dibekalkan seseorang saudagar berdasarkan perjanjian si pemegang kepada pengeluar untuk membayar jumlah wang yang dibayarkan dengan caj tambahan lain yang dipersetujui. Pengeluar kad (biasanya dari bank) mewujudkan pusingan akaun dan memberikan garis kredit untuk kad, di mana pemegang kad boleh meminjamkan sejumlah wang untuk pembayaran kepada saudagar atau sebagai wang pendahuluan. Dalam erti kata lainnya, kad kredit menggabungkan perkhidmatan pembayaran dengan sambungan kredit. Struktur yuran yang rumit dalam industri kad kredit mungkin mengehadkan keupayaan pelanggan untuk membuat perbandingan. Hal ini membantu memastikan industri ini tiada persaingan harga dan membantu memaksimumkan keuntungan industri. Disebabkan perkara inilah, yuran kad kredit dikawal melalui penggubalan undang-undang khas.

(Sumber : Internet)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah yang anda faham berkenaan kad kredit ?
2. Nyatakan butiran-butiran yang terdapat pada kad kredit?
3. Penggunaan kad kredit tanpa pengawalan memberikan pelbagai keburukan kepada penggunanya. Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan buruk tersebut?
4. Salah seorang rakan anda telah menerima kad kredit daripada sebuah bank dan beliau meminta nasihat daripada anda cara yang terbaik untuk menggunakan kad tersebut. Sebagai seorang rakan yang prihatin, cadangkan langkah-langkah yang sesuai untuk rakan anda menggunakan kad kredit?

SKEMA JAWAPAN

1. Kad kredit adalah sejenis kad pembayaran yang dikeluarkan kepada pengguna (pemegang) untuk membolehkan mereka membayar barangan dan perkhidmatan dibekalkan seseorang saudagar berdasarkan perjanjian si pemegang kepada pengeluar untuk membayar jumlah wang yang dibayarkan dengan caj tambahan lain yang dipersetujui.
2. Butirannya terdiri daripada :-
 - i. Logo bank pengeluar.
 - ii. Cip EMV (hanya pada "kad pintar").
 - iii. Nombor kad bank.
 - iv. Logo rangkaian kad.
 - v. Tarikh tamat tempoh.
 - vi. Nama pemegang kad.
 - vii. Cip tanpa sentuh.
3. Kesan buruk penggunaan kad kredit ialah :
 - i. Melahirkan masyarakat yang suka berhutang.
 - ii. Mudah melakukan penipuan atau disalah guna oleh orang lain.
 - iii. Mudah untuk berbelanja melebihi pendapatan.
 - iv. Kadar faedah yang tinggi.
 - v. Membeli sesuatu yang tidak perlu.

**** terima jawapan lain yang relevan***

4. Langkah-langkahnya ialah :-

- i. Mengehadkan bilangan kad.
- ii. Penggunaan kad kredit pada waktu kecemasan.
- iii. Bayar lebih daripada kadar minimum.
- iv. Bayar hutang tepat pada masanya.
- v. Elakkan pengambilan tunai.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 16

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Perkhidmatan E-Panggilan yang telah dikuatkuasakan di Malaysia pada 12 Julai 2018 telah merancakkan lagi kegiatan ekonomi di negara kita. Melalui perkhidmatan ini anda boleh menempah kenderaan, makanan dan barangan dengan mudah dan cepat. Persoalannya, adakah perkhidmatan ini benar-benar sesuai pada masa kini. Bincangkan?

SKEMA JAWAPAN

Kepentingan Perkhidmatan E-Panggilan ialah :-

- i. Menjamin keselamatan pengguna.
- ii. Membolehkan pelanggan membuat pesanan pada bila-bila masa dan di mana-mana jua berada.
- iii. Promosi yang ditawarkan membantu meringankan beban pelanggan untuk membayar kos.
- iv. Harga yang ditawarkan lebih rendah.
- v. Menjimatkan masa.

*** *terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 17

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

(40 Markah)

TEMA : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Sisa Elektronik



Sisa elektronik ialah komponen elektronik yang telah usang atau tidak diperlukan oleh penggunanya. Sisa elektronik mengandungi bahan kimia berbahaya seperti asid, pelarut, raksa dan plumbum. Bahan kimia ini mengancam kesihatan manusia dalam jangka masa pendek dan Panjang. Di Malaysia, sisa elektronik dikategorikan sebagai sisa terjadual dalam jadual Pertama kod SW 110 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974b [Akta 127] Buangan terjadual (2005). Sisa ini dikategorikan sebagai bahan buangan terjadual kerana mempunyai ciri-ciri kebolehnyalaaan, menghakis, bertindak balas dan bertoksid.

(Sumber : Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Jabatan Alam sekitar Malaysia
Buku teks Ting.5 m/s 130)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan sisa elektronik?
2. Sebutkan bahan kimia berbahaya yang terdapat dalam sisa elektronik.
3. Berdasarkan pengetahuan anda, nyatakan langkah-langkah untuk menguruskan sisa elektronik.
4. Pada pendapat anda, apakah amalan terbaik untuk menguruskan sisa elektronik?

SKEMA JAWAPAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan sisa elektronik ?
 - a. Sisa elektronik ialah komponen elektronik yang telah usang.
 - b. Tidak diperlukan oleh penggunaanya.
2. Sebutkan bahan kimia berbahaya yang terdapat dalam sisa elektronik. Sisa elektronik mengandungi bahan kimia berbahaya seperti :
 - a. asid
 - b. pelarut
 - c. raksa
 - d. plumbum
3. Berdasarkan pengetahuan anda nyatakan langkah-langkah untuk menguruskan sisa elektronik.
 - a. Penguatkuasaan undang-undang.
 - b. Masyarakat perlu menggunakan produk sedia ada dan membaiki barang yang rosak.
 - c. Kempen berterusan dapat memberikan kesedaran bahawa alam sekitar penting bagi manusia mencapai kehidupan yang sejahtera.
 - d. Pendidikan tentang pengurusan dan pelupusan sisa elektronik perlu dimantapkan pada peringkat sekolah.
 - e. Kerajaan perlu menggubal peraturan yang mewajibkan pengeluar mengitar semula atau melupuskan barangan elektronik yang telah rosak dengan selamat.
 - f. Sektor industri menyelaraskan standard penggunaan peranti elektronik.

**** terima jawapan lain yang relevan***

4. Pada pendapat anda apakah amalan terbaik untuk menguruskan sisa elektronik.
 - a. Mengembalikan barangan elektronik yang tidak diperlukan kepada pengeluar.
 - b. Menghantar sisa elektronik ke pusat-pusat kitar semula.
 - c. Menyelenggara penggunaan komputer dalam sektor awam secara berkala bagi memanjangkan hayat penggunaannya.
 - d. Memperbanyak tong kitar semula sisa elektronik.

**** terima jawapan lain yang relevan.***

BILANGAN 18

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

(30 Markah)

TEMA : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

Mobiliti Hijau merujuk pergerakan manusia yang mesra alam sekitar. Mobiliti Hijau ialah peralihan daripada kenderaan yang berasaskan bahan bakar petrol atau diesel kepada penggunaan mod pengangkutan yang mesra alam sekitar dan menggunakan teknologi hijau. Mobiliti hijau membabitkan pengangkutan persendirian, pengangkutan awam dan pengangkutan aktif tanpa motor.

Bincangkan kesan-kesan mobiliti hijau terhadap kesejahteraan masyarakat dan negara.

Cadangan jawapan ujian bertutur

Kesan-kesan mobiliti hijau terhadap kesejahteraan masyarakat dan negara

- a. Mewujudkan bandar rendah karbon.
- b. Merendahkan suhu bumi.
- c. Meningkatkan kualiti alam sekitar.
- d. Mengurangkan masalah kesihatan.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 19

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : DUNIA SELAMAT MILIK KITA

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Visi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) adalah untuk menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan berprestasi tinggi. Misinya pula adalah untuk memberikan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda demi kesejahteraan rakyat. JPBM menjalankan tugas pencegahan dan pemadaman kebakaran. Badan beruniform ini juga bertanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan. Mereka sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat kemanusiaan dengan cekap dan berkesan. Tugas anggota bomba yang diketahui oleh kebanyakan orang adalah untuk memadamkan kebakaran. Walau bagaimanapun, pihak bomba sebenarnya turut membantu agensi kerajaan dan swasta yang menjalankan kawad kebakaran. Selain itu, pihak bomba juga mengadakan kempen untuk menyedarkan masyarakat tentang keselamatan dan bahaya kebakaran.

*(Sumber : Buku Teks Bahasa Melayu.,
Tingkatan 5, halaman 143)*

SOALAN RANGSANGAN

1. Nyatakan visi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).
2. Apakah tugas anggota bomba yang diketahui oleh kebanyakan orang?
3. Pada pendapat anda, nyatakan tindakan yang boleh dilakukan untuk mengelakkan kebakaran.
4. Sikap kurang cakna terhadap ciri-ciri keselamatan di rumah dalam kalangan masyarakat merupakan salah satu punca berlakunya kebakaran. Ulasakan.

SKEMA JAWAPAN

1. Visi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) adalah untuk menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan berprestasi tinggi.
2. Tugas anggota bomba yang diketahui oleh kebanyakan orang adalah untuk memadamkan kebakaran. Walau bagaimanapun, pihak bomba sebenarnya turut membantu agensi kerajaan dan swasta yang menjalankan kawad kebakaran. Selain itu, pihak bomba juga mengadakan kempen untuk menyedarkan masyarakat tentang keselamatan dan bahaya kebakaran.
3. Pada pendapat saya, tindakan yang boleh dilakukan untuk mengelakkan kebakaran :
 - a. Matikan suis elektrik apabila selesai menggunakannya.
 - b. Jangan membuat sambungan pendawaian elektrik sendiri.
 - c. Gunakan alatan elektrik yang mempunyai pelekat SIRIM.
 - d. Menyimpan mancis / pemetik api di tempat selamat.
 - e. Memasang alat pengesan asap.

**** terima jawapan lain yang relevan***

4. Sikap kurang cakna terhadap ciri-ciri keselamatan di rumah dalam kalangan masyarakat merupakan salah satu punca berlakunya kebakaran. Kesan sikap kurang cakna :
 - a. Kebakaran kediaman kerana kecuaiannya penggunaan alat elektrik dan penggunaan tenaga elektrik berlebihan.
 - b. Kebakaran kediaman kerana suis elektrik tidak ditutup dan plug dibiarkan pada soket boleh mengakibatkan litar pintas.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 20
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

TEMA : DUNIA SELAMAT MILIK KITA

Negara kita merupakan antara negara yang mempunyai angka kematian akibat kemalangan jalan raya yang tinggi. Oleh itu, pelbagai pihak haruslah memainkan peranan bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Ulasakan pernyataan tersebut.

Cadangan Jawapan:

Langkah / Usaha / Cara mengurangkan kadar kemalangan jalan raya

1. Penguatkuasaan undang-undang oleh pihak kerajaan.
2. Pendidikan keselamatan jalan raya di sekolah.
3. Kempen keselamatan jalan raya melalui media massa.
4. Membaiki sistem jalan raya.
5. Menyelenggara kenderaan mengikut masa yang ditetapkan.

BILANGAN 21

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : KEBUDAYAAN, KESENIAAN DAN ESTETIKA

Teliti gambar dan fahami petikan di bawah, dan jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Tumbuk Kalang merupakan permainan muzik asli yang diilhamkan daripada kegiatan menumbuk padi dan dikategorikan sebagai permainan rakyat di Negeri Sembilan. Irama dan bunyi yang terhasil adalah daripada tumbukan manja beberapa batang antan ke sebuah lesung kayu. Tumbuk Kalang asalnya dimainkan oleh masyarakat kampung zaman dahulu setelah seharian berpenat lelah menuai dan membanting padi. Pada sebelah malamnya, mereka akan berkumpul untuk membuat emping. Bunyi antan yang bertingkah-tingkah semasa menumbuk emping itu menghasilkan irama yang menghiburkan. Sambil menumbuk padi itu, mereka akan menyanyikan lagu-lagu mengikut bunyi tumbukan antan. Antara lagu yang biasa dinyanyikan termasuklah lagu Tumbuk Emping, Kuda Berontak, Patah Lambung, Tebing Gurut, Petang-Petang, Kanding Putu, Tupai Menegur, Gogor Bacang, Kang Kang Kap dan Kambing Berlaga.

(Sumber : Buku Teks Bahasa Melayu, Tingkatan 5, halaman 154)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah maksud Tumbuk Kalang?
2. Nyatakan lagu-lagu yang biasa dinyanyikan oleh masyarakat kampung zaman dahulu setelah seharian berpenat lelah menuai dan membanting padi?
3. Pada pendapat anda, apakah peranan yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah dalam usaha memartabatkan permainan muzik asli dalam kalangan pelajar?
4. Permainan muzik asli masyarakat Melayu yang pernah popular sedikit masa dahulu semakin dipinggirkan oleh generasi muda. Banyak faktor yang menyebabkan permainan muzik asli semakin dilupakan.

Ulaskan.

SKEMA JAWAPAN

1. Tumbuk Kalang merupakan permainan muzik asli yang diilhamkan daripada kegiatan menumbuk padi dan dikategorikan sebagai permainan rakyat di Negeri Sembilan.
2. Lagu-lagu yang biasa dinyanyikan oleh masyarakat kampung zaman dahulu setelah seharian berpenat lelah menuai dan membanting padi ialah lagu Tumbuk Emping, Kuda Berontak, Patah Lambung, Tebing Gurut, Petang-Petang, Kanding Putu, Tupai Menegur, Gogor Bacang, Kang Kang Kap dan Kambing Berlaga.
3. Pada pendapat saya, peranan yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah dalam usaha memartabatkan permainan muzik asli dalam kalangan pelajar ialah :
 - a. Menyelitkan persembahan permainan muzik asli dalam majlis rasmi sekolah.
 - b. Membuat pertandingan permainan muzik asli.
 - c. Menggalakkan murid menyertai bengkel permainan muzik asli.

*** terima jawapan lain yang relevan**

4. Permainan muzik asli masyarakat Melayu yang pernah popular sedikit masa dahulu semakin dipinggirkan oleh generasi muda. Banyak faktor yang menyebabkan permainan muzik asli semakin dilupakan.

Ulaskan.

- i. Pengaruh besar yang dibawa oleh pelbagai permainan moden. (permainan video dan komputer).
- ii. Sikap dan pandangan masyarakat hari ini yang beranggapan permainan muzik asli sudah ketinggalan zaman.
- iii. Kurang pendedahan daripada pihak-pihak berwajib, sama ada oleh pihak kerajaan, NGO mahupun swasta.
- iv. Terlalu kurang penganjuran pertandingan oleh pihak bertanggungjawab.
- v. Semakin kurang aktivis yang aktif memperjuangkan nasib permainan muzik asli.

*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 22

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : KEBUDAYAAN, KESENIAAN DAN ESTETIKA

Negara kita mempunyai pelbagai kaum yang mengamalkan budaya atau adat resam yang tersendiri. Budaya atau adat resam ini telah menjadi satu identiti kepada kaum tersebut.

Ulaskan pernyataan tersebut.

SKEMA JAWAPAN

Malaysia mempunyai masyarakat yang berbilang kaum :

1. Pelbagai adat atau budaya yang menarik.
 - ☐ Cukur Jambul, berkhatan.
2. Pakaian tradisional.
 - ☐ -Cheng sam, sari, baju kurung.
3. Makanan tradisi.
 - ☐ Ketupat, rendang, maruku, capati.
4. Alat muzik.
 - ☐ Tumbuk Kalang, N9.
 - ☐ Ghazal- Johor.
 - ☐ Kulintangan – Sabah.

BILANGAN 23

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : JATI DIRI, WARGANEGARA PATRIOTIK

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Semangat patriotik merujuk kepada semangat cinta akan negara yang mendalam dalam diri seseorang. Sebenarnya terdapat banyak cara yang boleh dijalankan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara kita. Satu daripada caranya adalah dengan memberikan penekanan tentang proses pemupukan semangat patriotik dari bangku sekolah lagi. Perkara ini membolehkan semangat patriotik sebatik dalam diri pelajar seperti kata peribahasa Melayu, “**melentur buluh, biarlah dari rebungunya**”. Contohnya mengadakan program seperti sambutan Hari Kebangsaan peringkat sekolah, nyanyian Lagu NegaraKu semasa perhimpunan dan sebagainya. Sekiranya semangat patriotik dapat dipupuk sejak kecil, sudah tentulah semangat patriotik akan terus diamalkan dan dikekalkan hingga dewasa. Tambahan pula, amalan ini penting kerana kita dapat melahirkan masyarakat yang sentiasa cinta akan negara dan tidak melakukan perkara-perkara yang akan memburukkan nama negara.

(Sumber : <http://bmspm.net/>)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah maksud semangat patriotik?
2. Nyatakan kepentingan semangat patriotik sekiranya dipupuk sejak kecil.
3. Berdasarkan pengetahuan anda, nyatakan cara-cara yang boleh dijalankan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara kita?
4. Pada pendapat anda, mengapakah semangat patriotik perlu dipupuk sejak di bangku sekolah lagi?

SKEMA JAWAPAN

Soalan 1

Maksud semangat patriotik merujuk kepada semangat cinta akan negara yang mendalam dalam diri seseorang.

Soalan 2

Kepentingannya ialah :-

- i. Terus diamalkan dan dikekalkan hingga dewasa.
- ii. Kita dapat melahirkan masyarakat yang sentiasa cinta akan negara.
- iii. Tidak melakukan perkara-perkara yang akan memburukkan nama negara.

Soalan 3

Cara-cara yang boleh dijalankan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara kita adalah :-

- i. Peranan ibu bapa dengan memberikan penekanan tentang proses pemupukan semangat patriotik. Perkara ini membolehkan semangat patriotik.
- ii. Peranan sekolah dengan mengadakan program seperti sambutan Hari Kebangsaan peringkat sekolah, nyanyian lagu NegaraKu semasa perhimpunan dan sebagainya.
- iii. Peranan kerajaan melalui program semarakkan semangat patriotik.
- iv. Peranan media massa melalui kempen.

*** terima jawapan lain yang relevan**

Soalan 4

Pendapat saya, semangat patriotik perlu dipupuk sejak di bangku sekolah lagi kerana dapat

- i. Melahirkan masyarakat yang sentiasa cinta akan negara dan tidak melakukan perkara-perkara yang akan memburukan nama negara.
- ii. Semangat patriotik ini penting untuk melahirkan warganegara yang cinta akan negaranya dan pasti akan menjadi individu yang berguna kepada bangsa, agama dan negaranya sendiri.
- iii. Individu yang memiliki semangat patriotik yang tinggi juga akan sentiasa berusaha untuk memajukan diri dan negaranya agar mencapai kemajuan dan pembangunan dengan cepat, setanding dengan negara-negara maju yang lain.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 24

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : JATI DIRI, WARGANEGARA PATRIOTIK

Kementerian Penerangan Malaysia, di samping media elektronik seperti televisyen dan radio memang berkesan untuk menyuburkan dan meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat. Bincangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memupuk semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

SKEMA JAWAPAN

1. Sambutan hari kemerdekaan pada peringkat taman perumahan dan kampung.
2. Jabatan Penyiaran atau stesen televisyen perlu mengadakan forum tentang semangat patriotik dengan menjemput tokoh-tokoh akademik daripada pelbagai bangsa dan juga tokoh masyarakat yang memperjuangkan semangat kebangsaan suatu masa dahulu.
3. Kesedaran dan didikan bermula dari bangku sekolah.
4. Menyertai program kenegaraan.
5. Mengadakan lawatan tempat-tempat bersejarah.
6. Kempen melalui media massa.
7. Peranan ibu bapa dan sekolah dalam memupuk semangat patriotik.
8. Menghargai sejarah dan tokoh negara.
** terima jawapan lain yang relevan*

BILANGAN 25

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA: CITRA BAHASA DAN SASTERA KITA

BAHASA ROJAK



Bahasa rojak ialah satu bentuk bahasa yang digunakan oleh masyarakat dengan mencampurkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Bentuk bahasa ini biasanya digunakan dalam bidang penyiaran dan pengiklanan. Antara contoh penggunaan bahasa rojak ialah penggunaan ungkapan "Karnival Sure Heboh" yang akhirnya ditukarkan kepada "Karnival Jom Heboh". Isu penggunaan bahasa rojak ini telah dibincangkan oleh pencinta bahasa Melayu. Mereka berpendapat bahawa penggunaan bahasa Melayu yang tidak tepat akan menjejaskan usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu. Mereka juga khuatir senario ini akan menumpulkan kemahiran menulis dan bertutur masyarakat sekiranya situasi ini tidak dibendung secara efektif.

(Sumber : Internet)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah maksud bahasa rojak?
2. Berdasarkan petikan, apakah contoh penggunaan bahasa rojak?
3. Pada pendapat anda, apakah kesan jangka panjang sekiranya penggunaan bahasa rojak tidak ditangani secara serius?
4. Huraikan peranan pihak kerajaan untuk membudayakan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat.

SKEMA JAWAPAN

1. Apakah maksud bahasa rojak?
Bahasa rojak ialah satu bentuk bahasa yang digunakan oleh masyarakat dengan mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris.
2. Berdasarkan petikan, apakah contoh penggunaan bahasa rojak?
Berdasarkan petikan, contoh penggunaan bahasa rojak ialah penggunaan ungkapan “Karnival Sure Heboh” yang akhirnya ditukarkan kepada “Karnival Jom Heboh”.
3. Pada pendapat anda, apakah kesan jangka panjang sekiranya penggunaan bahasa rojak tidak ditangani secara serius?
 - i. Melahirkan generasi muda yang tidak menguasai bahasa Melayu dengan betul sepenuhnya.
 - ii. Mutu penguasaan bahasa Melayu terus merosot dan memberi kesan kepada bahasa ilmu, bahasa pentadbiran, bahasa undang-undang dan budaya.
 - iii. Penghayatan terhadap bahasa Melayu semakin terhakis. Bahasa Melayu merupakan warisan karya yang menandakan ketinggian pemikiran dan estetika bangsa.

**** terima jawapan lain yang relevan***

4. Huraikan peranan pihak kerajaan untuk membudayakan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat.
 - i. Memperkasa Dewan Bahasa dan Pustaka.
 - ii. Memastikan urusan rasmi negara menggunakan bahasa Melayu.
 - iii. Melibatkan syarikat korporat dalam aktiviti kebahasaan.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 26

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA: CITRA BAHASA DAN SASTERA KITA

Kepesatan kemajuan teknologi maklumat kini telah menyebabkan remaja pada hari ini semakin leka dengan ciptaan alat peranti terkini dan mengabaikan amalan membaca dalam kehidupan. Bincangkan usaha-usaha bagi menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan remaja.

Usaha-usaha bagi menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan remaja

1. Ibu bapa menyediakan bahan bacaan yang menarik dan berunsurkan nilai positif kepada anak-anak.
2. Pihak sekolah menganjurkan program membaca dalam kalangan pelajar.
3. Peranan penerbit buku menerbitkan buku yang berilustrasi menarik dan mengikut trend semasa.
*** terima jawapan lain yang relevan**

BILANGAN 27

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA: INDUSTRI CEMERLANG, NEGARA GEMILANG

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Cabaran Industri Kecil dan sederhana (IKS) dalam menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara adalah kekurangan mendapatkan modal. Modal yang dimaksudkan adalah tanah, jentera dan buruh. Semua modal tersebut diperlukan oleh seorang usahawan. Sesungguhnya, bantuan dan nasihat kerajaan amat diperlukan oleh usahawan IKS. Apabila dilihat dari segi pinjaman, kebanyakan industri ini menghadapi kesukaran untuk mendapatkan modal daripada bank-bank swasta kerana syarat-syarat pinjaman yang ketat dan memerlukan cagaran. Pengusaha-pengusaha IKS menghadapi aliran modal kerana jualan mereka hanya mendapat kredit selepas dijual. Justeru, adalah sukar untuk mengembangkan industri ini. Cabaran yang kedua ialah skop pasaran terhad. Ruang atau skop pasaran adalah terhad kerana barangan yang diusahakan, misalnya makanan tidak boleh tahan lama. Pasaran industri ini lebih bersikap setempat dan sukar menembusi pasaran yang luas kerana kekurangan pengiklanan dan promosi.

(Sumber : Internet)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah cabaran IKS dalam menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara?
2. Mengapakah pengusaha-pengusaha IKS menghadapi aliran modal?
3. Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu diambil oleh pihak kerajaan untuk memajukan IKS?
4. IKS memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat dan negara.

Bincangkan.

SKEMA JAWAPAN

1. Apakah cabaran IKS dalam menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara?

Cabaran IKS dalam menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara adalah **kekurangan mendapatkan modal**.

2. Mengapakah pengusaha-pengusaha IKS menghadapi aliran modal?
Pengusaha-pengusaha IKS menghadapi aliran modal kerana **jualan mereka hanya mendapat kredit selepas dijual**.
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak kerajaan untuk memajukan IKS?

Pada pendapat saya, langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak kerajaan untuk memajukan IKS adalah :-

- i. Penawaran pembiayaan, geran, pinjaman dan insentif.
- ii. Pengalihan teknologi pembuatan daripada tradisional kepada moden.
- iii. Usaha sama dengan universiti tempatan dalam penyelidikan dan pembangunan.
- iv. Memperkasa jenama produk.
- v. Menyertai ekspo perdagangan di peringkat antarabangsa.
- vi. Memberikan anugerah dan pengiktirafan.
- vii. Cadangkan ciri-ciri IKS yang sepatutnya ada di negara kita.

**** terima jawapan lain yang relevan***

4. Sumbangan IKS kepada masyarakat dan negara ialah :-

- i. Memberikan peluang kepada masyarakat untuk menceburi bidang perniagaan.
- ii. Memberikan peluang kepada masyarakat untuk menguji kebolehan, daya cipta dan kreativiti.
- iii. Memberikan peluang pekerjaan / mengurangkan pengangguran.
- iv. Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat.
- v. Meningkatkan pendapatan negara.
- vi. Menambahkan sumber bekalan makanan kepada masyarakat.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 28

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA: INDUSTRI CEMERLANG, NEGARA GEMILANG

Bagi melahirkan usahawan yang cekap, kompeten dan mempunyai komitmen yang tinggi dalam menguruskan perniagaan, pihak MADA telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti pembangunan modal insan, peningkatan kapasiti pengeluaran dan pemodenan infrastruktur, persijilan dan akreditasi, penyelidikan dan pembangunan produk serta promosi dan pemasaran. Berikan ulasan anda.

SKEMA JAWAPAN

Kepentingan Industri Pertanian di negara kita

1. Memanfaatkan sumber yang dimiliki oleh negara.
2. Mewujudkan peluang pekerjaan.
3. Meningkatkan pendapatan eksport negara.
4. Mewujudkan keberdikarian bekalan makanan negara.
5. Melahirkan imej yang baik untuk negara.
6. Memelihara ekologi alam sekitar.

*** *terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 29

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 MARKAH]

TEMA : INTEGRITI

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Nilai integriti antara tonggak utama dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan berfungsi secara efektif dan efisien. Tidak dinafikan terdapat segelintir kecil penjawat awam yang tergelincir daripada landasan sebenar dan terjerumus dalam salah laku yang membabitkan rasuah. Isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan penjawat awam adalah isu serius yang berlaku sejak dahulu dan kerajaan sudah pun melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membendung perkara ini. Apabila nilai integriti rapuh, ditambah dengan ruang dan peluang mendapat habuan lumayan daripada pihak berkaitan, maka kecenderungan untuk terjerumus dalam isu rasuah ini adalah besar. Justeru, rasuah perlu ditangani dengan lebih berkesan. Bukan sekadar dengan kaedah punitif atau hukuman, tetapi melihat secara keseluruhan akar permasalahan yang menyebabkan perkara ini terus berlaku.

(Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada "Penjawat Awam Perlu Perkukuh Integriti Bendung Rasuah"
oleh Tan Sri Mohd Zuki Ali, BH online)

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah yang dapat memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan berfungsi secara efektif dan efisien?
2. Berdasarkan petikan, apakah punca-punca yang menyebabkan seseorang boleh terjerumus dalam isu rasuah?
3. Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan agar gejala rasuah ini dapat dikurangkan?
4. Pada pendapat anda, apakah kesan rasuah kepada negara?

SKEMA JAWAPAN

1. Nilai integriti antara tonggak utama dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan berfungsi secara efektif dan efisien.
2. Punca-puncanya ialah :
 - ☐ Nilai integriti yang rapuh.
 - ☐ Ruang dan peluang mendapat habuan yang lumayan daripada pihak berkaitan.
3. Langkah-langkahnya ialah :-
 - ☐ Penguatkuasaan undang-undang.
 - ☐ Kesedaran diri sendiri.
 - ☐ Masyarakat perlu melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya melihat gejala ini berlaku.
 - ☐ Peranan media massa dengan mewara-warakan dalam media sosial kesan buruk amalan rasuah ini.

**** terima jawapan lain yang relevan***

4. Kesan-kesannya ialah :-
 - ☐ Melumpuhkan perjalanan sesuatu organisasi.
 - ☐ Menyebabkan pentadbiran negara menjadi lemah dan huru-hara.
 - ☐ Menjejaskan imej dan kredibiliti negara.
 - ☐ Pembangunan tidak seimbang dan saksama.

**** terima jawapan lain yang relevan***

BILANGAN 30

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 MARKAH]

TEMA : INTEGRITI

Kebelakangan ini banyak diperkatakan isu melibatkan amanah dan integriti, terutamanya dalam kalangan penjawat awam. Integriti berkait rapat dengan etika seperti sifat jati diri terpuji, ikhlas, jujur, dan amanah. Oleh itu, pelbagai usaha dapat dilakukan bagi memastikan integriti menjadi pegangan utama dan sentiasa diamalkan oleh rakyat Malaysia. Ulas pernyataan tersebut.

Cadangan jawapan:

1. Usaha dalam menerapkan budaya integriti dalam kalangan masyarakat.
2. Peranan pihak sekolah dalam menekankan Pendidikan Moral dalam kalangan pelajar.
3. Peranan Kementerian Pendidikan dalam menerapkan nilai integriti dalam silabus sekolah / universiti.
4. Peranan ibu bapa dalam menerapkan budaya integriti dalam diri anak-anak sejak kecil.
5. Mengadakan program / kempen untuk meningkatkan nilai-nilai murni dan integriti dalam kalangan masyarakat.
6. Peranan media elektronik, media cetak dan media massa dalam memberi kesedaran dalam diri masyarakat untuk menjadikan nilai integriti sebagai budaya hidup masyarakat.

**** terima jawapan lain yang relevan***

CONTOH *TEMPLATE* UJIAN BERTUTUR SECARA DALAM TALIAN MENGGUNAKAN BAHAN MODUL KOMPILASI LATIHAN UJIAN BERTUTUR BERPANDUKAN TEMA BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 4 DAN 5 YANG DIUBAH SUAI DALAM BENTUK *GOOGLE FORM*.

KERTAS 3
UJIAN BERTUTUR [70 MARKAH]
BAHASA MELAYU
1103/3

UJIAN BERTUTUR
PENTAKSIR
TAKSIRAN INDIVIDU 40 markah

Latihan Ujian Bertutur Individu Contoh 1 -
TEMA : MENJULANG HARAPAN DI BUMI BERTUAH

Sila jawab dengan teliti. Jumlah markah dalam bahagian ini ialah 40 markah. Sila masukkan segala maklumat anda dengan betul. Sebarang kecuaiian anda merupakan tanggungjawab anda sendiri.

ppd-x030-cm10@moe-dl.edu.my [Switch account](#)

The name and photo associated with your Google account will be recorded when you upload files and submit this form. Only the email you enter is part of your response.

* Required

Email *

Your email

Nama Penuh : (HURUF BESAR) & No. Kad Pengenalan : (Tanpa Tanda Sempang -) *

Contoh : ALI BIN ABU (200112125231)

Your answer

Guru Bahasa Melayu Anda : *

☐ Cikgu Musnia

☐ Cikgu Musriati

Kelas : *

Contoh : 5 CEMERLANG

Your answer

Pelaksanaan Ujian Bertutur Individu - 40 Markah

PELAKSANAAN UJIAN BERTUTUR INDIVIDU

1. Markah penuh 40 markah dan dinilai secara analitik.
2. Penskoran (pemarkahan) diberi berdasarkan konstruk berikut :
 - i. Tatabahasa dan kosa kata
 - ii. Sebutan, intonasi dan nada
 - iii. Kefasihan dan kelancaran
 - iv. Idea dan bermakna

markah penuh untuk setiap konstruk ialah 10 markah.

3. Calon diberi satu bahan rangsangan yang mengandungi gambar dan petikan untuk dibaca semasa berada di dalam bilik menunggu.
4. Calon diberi masa 3 minit untuk membaca, meneliti dan memahami bahan rangsangan tersebut dengan diawasi oleh pengawas. Setelah cukup masa 3 minit membaca secara mentalis, calon akan bergerak ke bilik ujian dengan membawa bahan rangsangan yang telah dibaca.
5. 2 orang pentaksir luar (guru Bahasa Melayu dari sekolah lain) bersedia menunggu calon di bilik ujian.
6. Di bilik ujian, calon akan membaca secara mekanis bahan rangsangan yang telah dibaca di bilik menunggu di hadapan 2 orang pentaksir. Bacaan mekanis dinilai dari segi sebutan, intonasi dan nada. Kemudian calon akan diuji dengan 4 soalan, iaitu 2 soalan berdasarkan bahan rangsangan dan 2 soalan KRAT yang berkaitan bahan rangsangan tersebut.
7. Calon akan diuji dalam tempoh masa 3 hingga 5 minit.
8. Semasa ujian, tiada alat tulis yang dibenarkan untuk dibawa masuk ke bilik ujian.
9. Selepas selesai ujian bertutur individu, calon dikehendaki menyerahkan bahan rangsangan kepada pentaksir sebelum bergerak ke bilik kuarantin untuk persediaan ujian bertutur kumpulan.



Rubrik Penskoran Ujian Bertutur Individu - 40 Markah



RUBRIK PENSKORAN UJIAN BERTUTUR INDIVIDU (ANALITIK)



Taksiran	INDIVIDU				
Konstruk	Tajuk				
Tahap Penguasaan dan skor	Cemerlang [9 – 10]	Kepujian [7 – 8]	Baik [5 – 6]	Penguasaan Minimum [3 – 4]	Tidak mencapai Tahap Minimum [1 – 2]
Tatabahasa dan kosa kata					
Sebutan, Intonansi dan Nada					
Kefasihan dan kelancaran					
Idea dan bermakna					

Berikut di bawah merupakan soalan rangsangan yang perlu dijawab oleh murid

SOALAN RANGSANGAN

1. Apakah yang diperlukan oleh udang harimau sebagai habitat?
2. Nyatakan simptom udang yang sakit?
3. Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk menarik minat golongan belia untuk menceburkan diri dalam bidang penternakan udang harimau?
4. Penternakan udang harimau di Malaysia sedang berkembang pesat dengan semakin banyak penglibatan daripada pihak swasta, agensi kerajaan dan juga orang perseorangan.
Nyatakan faktor-faktor lain menyebabkan penternakan udang harimau di Malaysia semakin berkembang

Berdasarkan bahan dan soalan rangsangan di atas, Murid diminta merakam video atau audio bacaan bahan rangsangan secara mekanis, kemudian menjawab soalan rangsangan yang diberi dalam tempoh 3 hingga 5 minit. Selepas itu, masukkan rakaman tersebut pada pautan yang disediakan di bawah. *

70 points

Sila masukkan video audio atau audio sahaja.

 Add file

Makluman :

Guru boleh mengubah suai *template* ini dengan menggunakan mana-mana bahan modul. Sila rujuk pautan atau QR Code yang diberikan di bawah.

CONTOH *TEMPLATE* UJIAN BERTUTUR SECARA DALAM TALIAN MENGGUNAKAN BAHAN MODUL KOMPILASI LATIHAN UJIAN BERTUTUR BERPANDUKAN TEMA BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 4 DAN 5 YANG DIUBAH SUAI DALAM BENTUK *GOOGLE FORM*.



Latihan Ujian Bertutur Kumpulan Contoh
1 - TEMA : DALAM LIPATAN KENANGAN

Sila jawab dengan teliti. Jumlah markah dalam bahagian ini ialah 30 markah. Sila masukkan segala maklumat anda dengan betul. Sebarang kecuaiian anda merupakan tanggungjawab anda sendiri.

ppd-x030-cm10@moe-dl.edu.my [Switch account](#)

The name and photo associated with your Google account will be recorded when you upload files and submit this form. Only the email you enter is part of your response.

* Required

Email *

Nama Penuh & No. Kad Pengenalan Ahli 1 *

Contoh : ALI BIN ABU

Your answer

Nama Penuh & No. Kad Pengenalan Ahli 2 *

Contoh : ALI BIN ABU

Your answer

Nama Penuh & No. Kad Pengenalan Ahli 3 *

Contoh : ALI BIN ABU

Your answer

Nama Penuh & No. Kad Pengenalan Ahli 4 *

Contoh : ALI BIN ABU

Your answer

Nama Penuh & No. Kad Pengenalan Ahli 5 *

Contoh : ALI BIN ABU

Your answer

Guru Bahasa Melayu Anda : *

- ☐ Cikgu Musnia
- ☐ Cikgu Musriati

Kelas : *

Contoh : 5 CEMERLANG

Your answer

Pelaksanaan Ujian Bertutur Kumpulan (30 markah)

PELAKSANAAN UJIAN BERTUTUR KUMPULAN



1. Markah penuh 30 markah.
2. Penskoran (pemarkahan) diberi berdasarkan konstruk :
 - i. Tatabahasa dan kosa kata
 - ii. Sebutan, intonasi dan nada
 - iii. Kefasihan dan kelancaran
 - iv. Idea dan bermakna

markah penuh diberi secara holistik. Maksimum 30 markah.
3. Ahli kumpulan (3 - 5 orang mengikut angka giliran) masuk ke dalam bilik kuarantin untuk persediaan ujian bertutur kumpulan. Pengawas calon akan memberikan soalan kepada calon untuk perbincangan selama 8 minit sebelum diuji di bilik ujian.
4. Setelah cukup masa 8 minit berbincang, calon akan bergerak ke bilik ujian untuk memulakan ujian bertutur kumpulan.
5. Setiap kumpulan diberi masa 12 hingga 15 minit untuk menyelesaikan ujian mereka.
6. Perbincangan kumpulan akan berlangsung dalam 2 pusingan. Pusingan pertama calon akan bertutur mengikut giliran masing-masing. Pusingan kedua calon bebas mengemukakan pendapat. Pentaksir bertindak sebagai fasilitator / pemudah cara jika perbincangan kumpulan terhenti atau didominasi oleh seorang calon sahaja.
7. Pemberian markah / skor diberikan secara holistik (keseluruhan) dan calon dinilai secara individu.
8. Semasa ujian, tiada buku catatan, nota, peranti dan alat tulis yang dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam bilik ujian, calon dikehendaki menyerahkan kertas soalan kepada pentaksir.
9. Setelah selesai taksiran kumpulan, calon akan diuruskan oleh pihak sekolah untuk tindakan selanjutnya.

Rubrik Penskoran Ujian Bertutur Kumpulan (30 markah)

RUBRIK PENSKORAN UJIAN BERTUTUR KUMPULAN (HOLISTIK) 					
Taksiran	KUMPULAN				
Konstruk	Tajuk				
Tahap Penguasaan dan skor	Cemerlang [25 – 30]	Kepujian [19 – 24]	Baik [13 – 18]	Penguasaan Minimum [7 – 12]	Tidak mencapai Tahap Minimum [1 – 6]
Tatabahasa dan kosa kata					
Sebutan, Intonansi dan Nada					
Kefasihan dan kelancaran					
Idea dan bermakna					

Contoh Soalan 1 :

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN [30 MARKAH]

TEMA : DALAM LIPATAN KENANGAN

Sejarah negara dan amalan budaya warisan bangsa perlu dijaga dan dikekalkan sebagai iktibar dan warisan generasi akan datang.

Ulaskan.

Makluman :

Guru boleh mengubah suai *template* ini dengan menggunakan mana-mana bahan modul. Sila rujuk pautan atau QR Code yang diberikan di bawah

**PAUTAN DAN QR CODE CONTOH *TEMPLATE* UJIAN
BERTUTUR SECARA DALAM TALIAN
MENGUNAKAN BAHAN MODUL KOMPILASI
LATIHAN UJIAN BERTUTUR BERPANDUKAN TEMA
BUKU TEKS BAHASA MELAYU TINGKATAN 4 DAN 5
YANG DIUBAH SUAI DALAM BENTUK *GOOGLE
FORM*.**

PAUTAN LATIHAN UJIAN BERTUTUR UNTUK INDIVIDU

<https://bit.ly/UJIANBERTUTURINDIVIDU>

QR CODE



PAUTAN LATIHAN UJIAN BERTUTUR UNTUK KUMPULAN

<https://bit.ly/UJIANBERTUTURKUMPULAN>

QR CODE



PENERANGAN PENGGUNAAN MODUL BERSAMA CONTOH RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH) UNTUK GURU

- Modul Kompilasi Latihan Ujian Bertutur Berpandukan Tema Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5 ini disediakan berpandukan Format Instrumen Peperiksaan SPM Mulai Tahun 2021 Mata Pelajaran Bahasa Melayu (1103) Kertas 3.
- Tema yang digunakan dalam modul ini, sepenuhnya berpandukan Tema Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5.
- Modul ini digunakan ketika Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersemuka di bilik darjah.
- Selain itu, modul ini juga boleh digunakan ketika pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) atau dijadikan sebagai bahan untuk Pembelajaran Akses Kendiri murid.
- Guru boleh melaksanakan pentaksiran dengan merujuk Standard Prestasi Kemahiran Mendengar dan Bertutur seperti yang terdapat dalam DSKP BM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- Selain itu, pentaksiran melalui rakan sebaya juga boleh dilakukan dengan merujuk senarai semak yang telah disediakan oleh guru.
- Bagi memudahkan tugas guru, contoh Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang menggunakan modul ini telah disediakan. Terdapat 2 contoh RPH iaitu RPH Bahagian A : Individu, dan RPH Bahagian B : Berkumpulan. Guru boleh merujuk RPH dan mengubah suai mengikut keperluan masing-masing.

**PENTAKSIRAN BILIK DARJAH BERDASARKAN STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN
MENDENGAR DAN BERTUTUR BAHASA MELAYU TINGKATAN 4**

STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR	
TAHAP PENGUASAAN	PERNYATAAN
1 Sangat Terhad	Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap pelbagai ujaran, maklumat, isu semasa dan karya; bersoal jawab; mengemukakan idea serta menyatakan pandangan dalam pelbagai ruang perbincangan dengan ayat yang betul dan intonasi yang sesuai pada tahap sangat terhad .
2 Terhad	Mendengar, memahami dan memberikan respons yang betul dan sesuai terhadap pelbagai ujaran, maklumat, isu semasa dan karya; bersoal jawab; mengemukakan idea serta menyatakan pandangan dalam pelbagai ruang perbincangan dengan ayat yang betul dan intonasi yang sesuai pada tahap terhad .
3 Memuaskan	Mendengar, memahami dan memberikan respons yang betul dan sesuai terhadap pelbagai ujaran, maklumat, isu semasa dan karya; bersoal jawab; mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pendapat yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan intonasi yang sesuai dan ayat yang gramatis pada tahap memuaskan .
4 Baik	Mendengar, memahami dan memberikan respons yang betul dan sesuai terhadap pelbagai ujaran, maklumat, isu semasa dan karya; bersoal jawab; mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pendapat yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan intonasi yang sesuai dan ayat yang gramatis pada tahap kukuh .
5 Sangat Baik	Mendengar, memahami dan memberikan respons yang betul dan sesuai terhadap pelbagai ujaran, maklumat, isu semasa dan karya; bersoal jawab; mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pendapat yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan intonasi yang sesuai dan ayat yang gramatis pada tahap tekak dan terperinci .
6 Cemerlang	Mendengar, memahami dan memberikan respons yang betul dan sesuai terhadap pelbagai ujaran, maklumat, isu semasa dan karya; bersoal jawab; mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pendapat yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan intonasi yang sesuai dan ayat yang gramatis pada tahap tekak, terperinci dan menjadi teladan .

**PENTAKSIRAN BILIK DARJAH BERDASARKAN STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN
MENDENGAR DAN BERTUTUR BAHASA MELAYU TINGKATAN 5**

STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR	
TAHAP PENGUASAAN	PERNYATAAN
1 Sangat Terhad	Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap pelbagai ujaran, soalan dan maklumat dalam pelbagai ruang perbincangan dengan ayat yang betul dan intonasi yang sesuai pada tahap sangat terhad .
2 Terhad	Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap pelbagai ujaran, soalan dan maklumat dalam pelbagai ruang perbincangan dengan ayat yang betul dan intonasi yang sesuai pada tahap terhad .
3 Memuaskan	Mendengar, memahami dan memberikan respons yang betul dan sesuai dengan mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah secara rasional serta membentangkan pendapat dan hujah dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan intonasi yang sesuai dan ayat yang gramatis serta bertatasusila pada tahap memuaskan .
4 Baik	Mendengar, memahami dan memberikan respons yang betul dan sesuai dengan mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah secara rasional serta membentangkan pendapat dan hujah dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan intonasi yang sesuai dan ayat yang gramatis serta bertatasusila pada tahap kukuh .
5 Sangat Baik	Mendengar, memahami dan memberikan respons yang betul dan sesuai dengan mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah secara rasional serta membentangkan pendapat dan hujah dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan intonasi yang sesuai dan ayat yang gramatis serta bertatasusila pada tahap tekak dan terperinci .
6 Cemerlang	Mendengar, memahami dan memberikan respons yang betul dan sesuai dengan mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah secara rasional serta membentangkan pendapat dan hujah dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan intonasi yang sesuai dan ayat yang gramatis serta bertatasusila pada tahap tekak, terperinci dan menjadi teladan .

CONTOH RPH YANG BERSESUAIAN DENGAN MODUL

CONTOH RPH 1 : BAHAGIAN A - INDIVIDU (40 MARKAH)

KEMAHIRAN BAHASA	MENDENGAR DAN BERTUTUR
TINGKATAN	EMPAT
MASA	60 MINIT
TEMA /TAJUK	Tema: Pertanian, Penternakan dan Perikanan Tajuk : Penternakan Udang Harimau (Bahagian A : Individu)
STANDARD KANDUNGAN	1.5 Bersoal jawab tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai soalan.
STANDARD PEMBELAJARAN	1.5.2 Mendengar dan menilai keseluruhan soalan serta memberikan respons yang betul secara berhemah dan bertatasusila.
OBJEKTIF	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat : mendengar dan memberikan respons tentang <u>penternakan udang harimau</u> dengan betul secara berhemah dan bertatasusila.
STRATEGI	Pembelajaran berpusatkan murid : Simulasi
ELEMEN KURIKULUM MERENTAS	KBAT: Mengaplikasi, Menilai
	Ilmu: Alam Sekitar
	Pembelajaran Kontekstual, Teknologi Maklumat dan Komunikasi
	Nilai: Kebersihan Fizikal dan Mental - kebersihan persekitaran alam sekeliling.
AKTIVITI (Aktiviti yang dicadangkan ini dilaksanakan secara <u>bersemuka</u> di dalam bilik darjah, ATAU di luar bilik darjah dengan menggunakan aplikasi : <i>Google Meet / Microsoft Teams / Zoom dengan mengubah suai aktiviti mengikut keperluan</i>) Ⓜ <i>Real Time</i>	Set induksi : - Tayangan video tentang kisah kejayaan penternakan udang harimau https://youtu.be/INI4fULwLPs - - Tayangan video ini boleh ditonton oleh murid lebih awal sebelum pelaksanaan PdP (Kaedah <i>Flipped Classroom</i>) - Aktiviti sumbang saran dijalankan untuk dikaitkan dengan tajuk P&P. Perkembangan : - Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan (1 kumpulan terdiri daripada 3 hingga 5 orang) - Beberapa orang murid dipilih secara rawak mewakili kumpulan masing-masing menggunakan <i>Numbered Heads Together</i>. - Murid dikehendaki membaca 1 petikan / bahan rangsangan. (Sila rujuk Modul Bilangan 7, muka surat 11). - Guru akan mengajukan beberapa soalan berdasarkan petikan / bahan rangsangan. Murid mendengar dan menilai soalan serta memberikan respons yang betul secara berhemah dan bertatasusila. - Murid lain pula diminta memberi markah dan memberi komen secara berhemah dan bertatasusila tentang persembahan rakan mereka. --> pentaksiran rakan sebaya menggunakan instrumen pentaksiran individu. (Rujuk Lampiran di bawah)

	Penutup • Murid membuat rumusan pembelajaran dengan bimbingan guru
HOME BASED LEARNING (PdP Alternatif - dilaksanakan melalui Aplikasi <i>Telegram</i> atau <i>Whatsapp</i>)	Set induksi : • Tayangan video tentang kisah kejayaan penternakan udang harimau https://youtu.be/INI4fULwLPs - perlu ditonton oleh murid lebih awal sebelum PdP. (Kaedah <i>Flipped Classroom</i>) Perkembangan : • Murid diberi 1 petikan / bahan rangsangan, kemudian diminta membaca dan memahaminya (Sila rujuk Modul Bilangan 7, muka surat 11). • Soalan rangsangan juga boleh diberi 10 minit sebelum. • Murid diminta menghantar video bertutur yang menjawab semua soalan rangsangan yang diajukan berkaitan tema dengan betul secara berhemah dan bertatasusila. (Jika menggunakan aplikasi <i>Whatsapp</i>, <i>Zoom</i> atau <i>Telegram</i>) • Murid lain pula diminta memberi markah dan memberi komen secara berhemah dan bertatasusila tentang persembahan rakan mereka dalam kumpulan yang menggunakan aplikasi <i>Whatsapp</i> atau <i>Telegram</i>. --> pentaksiran rakan sebaya menggunakan instrumen pentaksiran individu. (Rujuk Lampiran di bawah) • Oleh itu, PdP ini boleh dilaksanakan melalui aplikasi <i>Whatsapp</i> atau <i>Telegram</i> apabila murid menghantar video bertutur. Penutup : • Murid membuat rumusan pembelajaran dengan bimbingan guru
REFLEKSI	

LAMPIRAN PENTAKSIRAN INDIVIDU

INSTRUMEN PENTAKSIRAN INDIVIDU

TAKSIRAN	INDIVIDU - KAEDAH ANALITIK					
KONSTRUK	TAJUK :					
TAHAP PENGUASAAN & SKOR	CEMERLANG (9-10)	KEPUJIAN (7-8)	BAIK (5-6)	PENGUASAAN MINIMUM (3-4)	TIDAK MENCAPAI TAHAP MINIMUM (1-2)	CATATAN
TATABAHASA DAN KOSA KATA						
SEBUTAN, INTONASI DAN NADA						
KEFASIHAN DAN KELANCARAN						
IDEA DAN BERMAKNA						

- Pentaksiran dibuat secara individu.
- Murid lain diminta memberi markah dan memberi komen secara berhemah dan bertatasusila tentang persembahan rakan mereka menggunakan instrumen pentaksiran ini

CONTOH RPH YANG BERSESUAIAN DENGAN MODUL

CONTOH RPH 2 : BAHAGIAN B - BERKUMPULAN (30 MARKAH)

KEMAHIRAN BAHASA	MENDENGAR DAN BERTUTUR
TINGKATAN	EMPAT
MASA	60 MINIT
TEMA /TAJUK	Tema: Sejarah dan Warisan Tajuk : Dalam Lipatan Kenangan (Bahagian B : Kumpulan)
STANDARD KANDUNGAN	1.7 Berbincang dan berunding tentang sesuatu perkara.
STANDARD PEMBELAJARAN	1.7.1 Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernas dan rasional tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.
OBJEKTIF	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat : • berbincang dengan mengemukakan idea yang bernas dan rasional tentang <u>kepentingan memelihara dan memulihara sejarah negara dan amalan warisan bangsa</u> secara bertatasusila
STRATEGI	Pembelajaran berpusatkan murid : Simulasi
ELEMEN KURIKULUM MERENTAS	KBAT: Mengaplikasi, Menilai
	Ilmu: Sejarah
	Pembelajaran Kontekstual, Teknologi Maklumat dan Komunikasi
	Nilai: Rasional
AKTIVITI (Aktiviti yang dicadangkan ini dilaksanakan secara <u>bersemuka</u> di dalam bilik darjah, ATAU di luar bilik darjah dengan menggunakan aplikasi : <i>Google Meet / Microsoft Teams / Zoom dengan mengubah suai aktiviti mengikut keperluan</i>) 🕒 <i>Real Time</i>	Set induksi : • Tayangan video animasi tentang Warisan Budaya https://youtu.be/6gE3JzOOdb0 ◦ Tayangan video ini boleh ditonton oleh murid lebih awal sebelum pelaksanaan PdP (Kaedah <i>Flipped Classroom</i>) • Aktiviti sumbang saran dijalankan untuk dikaitkan dengan tajuk P&P. Perkembangan : • Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan (1 kumpulan terdiri daripada 3 hingga 5 orang). Setiap murid dalam kumpulan diminta memilih nombor 1 hingga 5 (sesuai dengan bilangan ahli kumpulan). • Beberapa orang murid dipilih secara rawak menggunakan kaedah PAK21 iaitu <i>Numbered Heads Together</i>, bagi mewakili kumpulan untuk menjadi peserta simulasi ujian bertutur berkumpulan. (Contoh : guru pilih orang nombor 2 dari setiap kumpulan menjadi wakil) • Murid tersebut dikehendaki membaca 1 tajuk / tema umum yang telah disediakan untuk dibincangkan secara berkumpulan. (Sila rujuk Modul Bilangan 16, muka surat 24). • Murid berbincang dengan mengemukakan idea yang bernas dan rasional tentang <u>kepentingan memelihara dan memulihara sejarah negara dan amalan warisan bangsa</u> secara bertatasusila. Perbincangan secara berkumpulan ini perlu diakhiri dengan rumusan.

	• Murid lain pula diminta memberi markah dan memberi komen secara bertatasusila tentang persembahan rakan mereka. – Instrumen Pentaksiran Rakan Sebaya digunakan. (Lampiran 1 atau 2 - pilih mana-mana yang sesuai) ◦ Nota : Ulang kaedah murid memberi berbincang, manakala murid lain memberi markah dan komen sehingga mencukupi masa 55 minit pengajaran. • Sebagai pengukuhan, kumpulan yang belum membuat persembahan diminta membuat persembahan dalam bentuk rakaman video dan dihantar kepada guru selewat-lewatnya 1 minggu selepas P&P dilaksanakan Penutup • Murid membuat rumusan pembelajaran dengan bimbingan guru
REFLEKSI	

LAMPIRAN PENTAKSIRAN BERKUMPULAN (PILIH SALAH 1)

LAMPIRAN 1 - INSTRUMEN PENTAKSIRAN 1

INSTRUMEN PENTAKSIRAN (RAKAN SEBAYA)

TAKSIRAN	KUMPULAN & NAMA MURID : (KAEDAH HOLISTIK)				
KONSTRUK	TAJUK :				
TAHAP PENGUASAAN & SKOR	CEMERLANG (25-30)	KEPUJIAN (19-24)	BAIK (13-18)	PENGUASAAN MINIMUM (7-12)	TIDAK MENCAPAI TAHAP MINIMUM (1-6)
TATABAHASA DAN KOSA KATA					
SEBUTAN, INTONASI DAN NADA					
KEFASIHAN DAN KELANCARAN					
IDEA DAN BERMAKNA					
Ulasan / Cadangan :					

Tandatangan Penilai : _____
 Nama Penilai : _____
 Tarikh : _____

Nota : Instrumen ini digunakan oleh murid untuk menilai rakan mereka atau diri sendiri semasa simulasi ujian bertutur berkumpulan. Namun, murid dinilai secara individu

LAMPIRAN 2 - INSTRUMEN PENTAKSIRAN 2

PENILAIAN RAKAN SEBAYA / KENDIRI BAGI TAKSIRAN BERKUMPULAN (30 MARKAH) - KAEDAH HOLISTIK

Konstruk	Peringkat				
	Cemerlang (25-30 markah)	Kepujian (19-24 markah)	Baik (13-18 markah)	Penguasaan Minimum (7-12 markah)	Tidak Mencapai Tahap Minimum (1-6 markah)
Tatabahasa dan Kosa Kata	Sangat gramatis, tepat dan mengikut konteks	Gramatis, tepat dan mengikut konteks	Masih gramatis, tepat dan mengikut konteks	Kurang gramatis, tepat dan mengikut konteks	Keseluruhannya persembahan calon menggambarkan ketidakecakapan berbahasa
Sebutan, Intonasi dan Nada	Betul, sangat jelas dan tepat seperti penutir jati	Betul, jelas dan tepat	Masih betul, jelas dan tepat seperti penutir jati	Kurang betul, jelas dan tepat seperti penutir jati	Keseluruhannya persembahan calon menggambarkan ketidakecakapan berbahasa
Kefasihan dan kelancaran	Pengucapan sangat fasih, lancar dan bertatsusila.	Pengucapan fasih, lancar dan bertatsusila.	Masih fasih, lancar dan bertatsusila.	Kurang fasih, lancar dan bertatsusila.	Keseluruhannya persembahan calon menggambarkan ketidakecakapan berbahasa
Idea dan bermakna	Idea yang dikemukakan sangat sesuai dan bermakna	Idea yang dikemukakan sesuai dan bermakna	Idea yang dikemukakan masih sesuai dan bermakna	Idea yang dikemukakan kurang sesuai dan kurang bermakna	Keseluruhannya persembahan calon menggambarkan ketidakecakapan berbahasa
Jumlah					
Catatan - Justifikasi					
Ulasan / Cadangan :					

Tandatangan Penilai : _____
 Nama Penilai : _____
 Tarikh : _____

Nota : Instrumen ini digunakan oleh murid untuk menilai rakan mereka atau diri sendiri semasa simulasi ujian bertutur berkumpulan. Namun, murid dinilai secara individu